**Ulasan Bajet 2018 Pusat** MS 15

**Ikhwan penggiat seni arca pasir** MS 14



PERCUMA

buletin **Mutiara**

www.buletinmutiara.com




1 – 15 NOVEMBER, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Pulau Pinang jaguh negara

## catat pelaburan tertinggi, RM7.7 bilion untuk tempoh enam bulan pertama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – RM7.7 bilion pelaburan ke Pulau Pinang dalam tempoh setengah tahun pertama 2017 merupakan di kedudukan paling tinggi berbanding negeri-negeri lain, dedah sumber Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, RM66,937.52 juta pelaburan ke negeri ini dalam tempoh tahun 2008 hingga Jun 2017 menyaksikan peningkatan kira-kira 82 peratus, berbanding rekod RM36,855.14 juta dalam tempoh sama 1998 hingga 2007 ketika Kerajaan Negeri masih dikuasai Barisan Nasional (BN) dulu. (Rujuk Lampiran A).

"Sungguhpun negeri (Pulau Pinang) kedua paling kecil di Malaysia (selepas Perlis), kini nombor 1 dalam pelaburan di Malaysia," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo serta Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Menurut Guan Eng, angka terbaru RM7.7 bilion pelaburan bagi setengah tahun pertama 2017 ke Pulau Pinang adalah menyamai kira-kira 45 peratus daripada RM17 bilion keseluruhan pelaburan di Malaysia dalam tempoh sama. (Rujuk Lampiran B).

Tambahnya, pelaburan domestik ke Pulau Pinang dalam tempoh Januari hingga Jun 2017 direkodkan sebanyak RM1,488.86 juta, manakala pelaburan asing, RM6,218.76 juta.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa RM7.707.62 juta pelaburan ke Pulau Pinang dalam tempoh setengah tahun pertama 2017 tersebut menyaksikan peningkatan hampir sekali ganda berbanding pelaburan keseluruhan dalam tempoh 12 bulan pada tahun 2016, iaitu berjumlah RM4.8 bilion sahaja.

"Menurut sumber MIDA, pelaburan keseluruhan ke Pulau Pinang dalam tempoh tahun 2008 hingga Jun 2017 direkodkan berjumlah RM66,937.52 juta.

"Angka RM66.9 bilion itu, menurut sumber, adalah lebih tinggi berbanding rekod Kerajaan Negeri pada era BN dahulu dalam tempoh tahun 2007 hingga 1998, RM36.9 bilion (RM36,855.14 juta)," jelasnya.

Selain itu, sumber MIDA juga mendedahkan sejumlah 132,422 peluang pekerjaan di Pulau Pinang dalam tempoh pelaburan sepanjang tahun 1998 hingga 2007.

Dalam tempoh pelaburan 2008 hingga 2016 pula, peluang pekerjaan yang wujud di negeri ini menyaksikan peningkatan kira-kira 5.1 peratus berbanding tempoh sebelumnya, dengan 139,133 peluang pekerjaan.

**Summary Investments & Potential Employment in Penang**

| | Year 1998 - 2007 | Year 2008 - Jun 2017 | Percentage |
|---|---|---|---|
| Total Investments (RM Million) | 36,855.14 | 66,937.52 | 81.6% |
| Protential Employment | 132,422 | *119,111 (as at 2016) | 5.1% |

**82 %**

LAMPIRAN A.

**Tahun 2017** (enam bulan pertama)

Pulau Pinang : RM 7.7 bilion
(45.29% daripada jumlah pelaburan RM17 bilion negara)

Melaka : RM 2.9 bilion
Selangor : RM 1.7 bilion
Johor : RM 1.4 bilion
Kedah : RM 1 bilion

LAMPIRAN B.

Belangsungkawa

# Terima kasih dan bersemadilah dengan aman Mr. Ong

**BELIAU** merupakan individu yang akan dicari sekiranya ingin berurusan dengan Ketua Menteri Pulau Pinang dan beliau juga akan dicari jika berurusan dengan Pejabat Ketua Menteri.

Dikenali dengan sifatnya yang lemah lembut dan sopan, beliau telah mendedikasikan hidupnya selama 61 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam.

Komitmen terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan, beliau amat disenangi dan dihormati oleh sesiapa sahaja yang mengenalinya sebagai Mr. Ong.

Mendiang Ong See Fook, penjawat awam paling lama berkhidmat di Malaysia menghembuskan nafas terakhir pada usia 83 tahun, 18 Oktober lalu.

Memulakan tugas dalam perkhidmatan awam pada 3 September 1956 di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (kini Majlis Bandaraya Pulau Pinang) ketika usianya 22 tahun.

Pada ketika itu, Tan Sri Wong Pow Nee memegang jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang pertama sebelum bertugas sebagai Pembantu Peribadi Tun Datuk Seri Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang yang kedua.

Beliau kekal berkhidmat di Pejabat Ketua Menteri di bawah Tan Sri Dr. Koh




Tsu Koon, dan pada 2008, beliau masih menabur bakti di Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sehingga nafas terakhir.

Antara yang paling terkesan pemergian See Fook, adalah Guan Eng.

"Mendiang seorang yang rendah diri, ikhlas dan sangat berdedikasi...malah beliau juga seorang yang profesional, berdisplin, boleh diharap dan boleh dipercayai...ciri-ciri personaliti yang harus diterapkan dalam diri setiap penjawat awam.

"Beliau akan terus diingati sebagai 'perpustakaan manusia' kerana kekayaan khazanah pengalaman kerjanya di bawah pemimpin yang berbeza..dengan caranya yang tersendiri menyimpan rekod...saya akan merinduinya," kata beliau yang turut menzahirkan ucapan terima kasih dan takziah kepada keluarga mendiang.

Malah, Guan Eng turut berkongsi cerita mengenai dedikasi yang ditonjolkan mendiang semasa hayatnya.

"Adakala saya perlu berada di pejabat sehingga pukul 4 pagi, mendiang akan pastikan saya pulang dahulu sebelum beliau pulang ke rumah, termasuk ketika hujung minggu dan cuti umum," ceritanya.

Bagi Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, beliau menyifatkan mendiang seorang yang pendiam dan sangat teliti.

"Beliau melakukan tugas dengan gigih dan tekun, kehilangan beliau pasti dirasai," ujarnya.

Dato' Law Choo Kiang yang merupakan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri turut menggambarkan See Fook sebagai pekerja yang setia, berdisiplin dan pendiam.

"Saya pasti ramai yang merasai kehilangannya," katanya.

*Terima kasih dan bersemadilah dengan aman Mr. Ong*.

## Waris ibu tunggal maut kemalangan lebuh raya terima sumbangan khas

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN –** Waris kepada ibu tunggal, Noriah Kasa yang maut dalam kes pertembungan dua bas dan sebuah van kilang di Kilometer 147 Lebuhraya Utara Selatan menghala ke Utara pada 24 Oktober lepas menerima sumbangan khas daripada Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng turut merakamkan ucapan takziah kepada tiga anak mangsa berkenaan, Norasyikin Zurwanidufizan, 20, Nornadia, 18, dan Zarul Haziq, 12.



**TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) ketika meramahi tiga beradik berkaitan di sini baru-baru ini.**

Bercakap kepada pemberita, Guan Eng memberitahu, sumbangan itu adalah daripada sumber khas Ketua Menteri memandangkan ketiga-tiga anak mangsa berkenaan bukanlah bermastautin di negeri ini.

Norasyikin yang kini masih bermastautin di Bagan Serai, Perak menyatakan bahawa beliau sekeluarga terharu atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi sumbangan tunai tersebut.

"Walaupun saya sudah bekerja di Pulau Pinang, sumbangan Kerajaan Negeri sedikit-sebanyak mengurangkan beban kami tiga beradik," katanya kepada Buletin Mutiara selepas ditemui sejurus selepas majlis penyampaian sumbangan berkenaan.

Pengorbanan ibu, tambah Norasyikin, selepas bercerai hidup selama lapan tahun sendirian memelihara mereka tiga beradik tidak akan dilupakan.

Pada 24 Oktober lepas kira-kira 6 pagi, pertembungan dua buah bas dan sebuah van kilang di Kilometer 147 Lebuhraya Utara Selatan menghala ke Utara, berhadapan Institut Teknikal Malaysia-Jepun (JMTi) menyaksikan lapan maut, sementara 30 penumpang lain cedera parah dan ringan.

## Syor Pusat tubuh Suruhanjaya Siasatan Diraja berkaitan dua nahas maut lebuh raya

**GEORGE TOWN -** Seperti Pulau Pinang, Kerajaan Pusat pun disyor menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dua kes kemalangan yang meragut ramai jiwa, di lebuh raya menghala ke Tol Juru di negeri ini dan dekat Tapah, Perak baru-baru ini.

"Pihak Kerajaan Negeri berharap Kerajaan Persekutuan boleh menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk kejadian ini," seru Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, sebuah RCI diperlukan untuk insiden pertembungan dua bas dan van kilang di Lebuhraya Utara Selatan dekat Juru, pada 24 Oktober lepas, yang mengorbankan lapan jiwa sementara 30 lain tercedera.

Mengulas lanjut, tambah beliau, RCI sama juga diperlukan untuk menyiasat insiden sembilan maut, manakala seorang dilaporkan parah dalam kemalangan membabitkan sebuah van dan lori ais di Jalan Air Kuning-Mambang Di Awan, dekat Tapah, pada 28 Oktober lalu.

Di Pulau Pinang, menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan baru-baru ini mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Negeri serta tiga cadangan tokoh untuk menyertai suruhanjaya bagi menyiasat insiden kemalangan di tapak pembinaan projek perumahan swasta Tetuan Taman Sri Bunga dekat Jalan Lembah Permai 3 pada 21 Oktober lalu.

Menurutnya, penubuhan Suruhanjaya Siasatan Negeri itu adalah demi melaksanakan siasatan menyeluruh dan bebas bagi menentukan punca kemalangan di tapak pemajuan, asal-usul kejadian serta mengenal pasti pihak bertanggungjawab atas insiden yang mengorbankan seorang warganegara dan 10 buruh asing.

# Tiada kompromi soal keselamatan tapak kerja binaan, bangunan – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHEAH LAY PING**

**BAYAN LEPAS –** Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi terhadap soal keselamatan di tapak kerja binaan dan bangunan yang tidak menepati piawaian keselamatan yang ditetapkan pihak berkuasa.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian ketika mengadakan lawatan mengejut ke tapak projek Dua Residensi dekat Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

Katanya, soal keselamatan adalah mustahak dan perlu diberikan perhatian sepenuhnya bukan sahaja untuk menjamin keselesaan penghuni, tetapi juga memastikan rakyat Pulau Pinang mempunyai akses terhadap keselamatan bangunan.



ILUSTRASI grafik projek keseluruhan.

"Sebab itulah, saya mengadakan lawatan mengejut ke tapak projek pembinaan rumah dan akan terus memantau serta mengadakan lawatan mengejut bagi memastikan soal keselamatan dititikberatkan.

"Berhubung insiden kemalangan di tapak pembinaan di Tanjung Bunga, saya telah memutuskan bahawa lawatan mengejut yang akan diadakan selepas ini...pihak berkuasa tempatan perlu juga turut serta.

"(Dan) mereka (pihak berkuasa tempatan) perlu memberikan laporan berhubung aspek teknikal, keselamatan dan perkara berkaitan pembangunan sesuatu projek binaan semasa lawatan tersebut," jelasnya lanjut.

Terdahulu pada 2 Oktober lalu, Jagdeep turut mengadakan lawatan mengejut ke tapak projek pembinaan di Kampung Jawa, Butterworth.

Merangkumi 346 unit rumah mampu milik Jenis B (kos sederhana rendah), 174 unit Jenis C2 dan 174 unit Jenis C3 pada harga bermula RM72,500 hingga RM300,000, projek Dua Residensi kini telah 62 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2018.

Ketika diminta mengulas insiden kemalangan di tapak pembinaan di Tanjung Bunga, Jagdeep menyatakan, beliau kecewa dengan beberapa pihak yang mengeluarkan kenyataan tidak bertanggungjawab dengan mendakwa projek tersebut dilaksanakan di cerun bukit sedangkan pembangunan projek berkenaan berada di tanah datar 40 meter (m).

"Garis panduan kita (Kerajaan Negeri) bagi pembangunan di lereng bukit adalah di bawah 76m dan kita (Kerajaan Negeri) melarang pembangunan melebihi paras 75m jika dibandingkan dengan (garis panduan) Kerajaan Persekutuan yang membenarkan pembangunan di lereng bukit sehingga 300m.

"Tambahan pula, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menolak beberapa permohonan (pembangunan) daripada agensi persekutuan yang dilihat tidak memahami garis panduan ketat yang dilaksanakan oleh kita (Kerajaan Negeri).

"Misalnya, projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang melebihi 160m...kita (Kerajaan Negeri) tidak akan meluluskan projek sedemikian walaupun ia di bawah program Persekutuan kerana soal keselamatan, kita tidak boleh berkompromi," tegas beliau.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan mengejut ke tapak projek Dua Residensi dekat Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

## Tabung Rumah Awam & Rumah Mampu Milik KN, pastikan unit kediaman mencukupi

**BAGAN DALAM -** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sendiri membiayai kos pemajuan 707 unit kediaman kos sederhana rendah (KSR) kira-kira RM121.4 juta, dijangka siap sepenuhnya pada Februari tahun depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, pembiayaan itu mampu dilaksanakan kerana Kerajaan Negeri mempunyai Tabung Rumah Awam dan Rumah Mampu Milik sejumlah RM500 juta demi memastikan unit kediaman yang diperlukan rakyat mencukupi.

"RM500 juta disediakan oleh Kerajaan Negeri dan ini suatu jumlah yang besar sekali dalam sejarah negeri Pulau Pinang, kalau di negeri lain tidak ada tabung peruntukan sebesar ini.

"Mana ada Kerajaan Pusat beri RM500 juta ini, RM500 juta ini adalah hasil untung (lebihan kewangan) Kerajaan Negeri tiap-tiap tahun," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan dalam Majlis Penyempurnaan Struktur Bangunan Projek RMM Jiran Residensi dekat Kampung Jawa di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan.

Difahamkan, satu blok dua menara bangunan Jiran Residensi tersebut terdiri oleh 707 unit rumah KSR, iaitu 354 buah di Menara A dan Menara B (353).

Di Menara A, terdiri daripada 35 tingkat, dengan 204 unit, luas lantai 1,000 kaki persegi dan disediakan satu parkir kereta, ditawarkan pada harga RM250,000 sebuah. Juga terdapat 105 unit lain dengan luas lantai 805 kaki persegi yang ditawarkan pada harga RM200,000 sebuah.

Di Menara B, terdiri daripada 25 tingkat, 353 unit KSR dengan luas lantai 700 kaki persegi yang ditawarkan pada harga RM72,500 sebuah.

Sebanyak 15 lot kedai tiga tingkat, 4 tingkat parkir, sebuah dewan serba guna dan surau merupakan antara komponen lain dalam projek pembangunan di Jiran Residensi tersebut.

Sejak tahun 2008, sejumlah 18,387 unit kediaman RMM yang telahpun diluluskan untuk pembangunan sektor swasta di Pulau Pinang.

Itu, tidak termasuk 21,535 unit kediaman kos rendah (KR) dan KSR lain adalah kira-kira empat kali ganda berbanding 5,154 unit kediaman jenis sama yang dibina ketika era Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) terdahulu.



RUPA bentuk struktur bangunan projek RMM Jiran Residensi dekat Kampung Jawa di sini.

# Sebelum pertimbangkan permohonan TP1M baharu, mohon lulus permohonan lama, gesa Jagdeep kepada Pusat

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Pusat sekali lagi digesa supaya mempertimbangkan kelulusan 114 permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dari Pulau Pinang yang bertangguh sejak tahun 2012.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sejajar dengan pengumuman Bajet 2018 baru-baru ini, Kerajaan Pusat perlu segera mempertimbangkan kelulusan permohonan dari negeri Pulau Pinang di bawah TP1M terdahulu.

Jelasnya, daripada 143 permohonan hanya 29 sahaja diluluskan sejak 2012.

"Kerajaan Pusat seharusnya mempertimbangkan permohonan lama TP1M yang tertangguh sebelum membuat pertimbangan bagi permohonan baharu.

"Malah, Kerajaan Pusat harus memberikan jawapan kepada rakyat terutamanya di Pulau Pinang, kenapa tidak ada satupun permohonan TP1M diluluskan sedangkan dana yang diperuntukan di bawah tabung ini meningkat saban tahun iaitu 2013 (RM32.82 juta), 2014 (RM46.49 juta) dan 2015 (RM50.73 juta).

"Cuma pada 2016, sejumlah RM3.98 juta sahaja diperuntukan untuk seluruh negara...kejatuhan mengejut 92 peratus dana jika dibandingkan tahun sebelumnya," kata beliau pada sidang media di Solok Rawana, Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Tambah Jagdeep, dalam memastikan keselesaan rakyat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang atau TPM80PP bagi menyelenggara kerja-kerja kritikal di perumahan berstrata.

"Berbeza dengan TP1M, melalui TPM80PP sejak 2013, kita (Kerajaan Negeri) telah menggantikan dan menaik taraf 94 unit lif bagi seluruh negeri Pulau Pinang dengan jumlah dana sebanyak RM10,181,450.18 dan Kerajaan Negeri menyumbang RM8,334,934.14 daripada jumlah dana tersebut," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep menyatakan bahawa beliau akan menghubungi Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Halimah Mohd. Sadique bagi membincangkan soal kelulusan permohonan TP1M terdahulu.

"Hari ini (30 Oktober) dalam akhbar berbahasa Inggeris, Datuk Halimah menyatakan TP1M telah memanfaatkan 375,000 orang melalui dana RM395 juta sejak 2014.

"Malah, beliau turut mengalu-alukan dana RM200 juta di bawah TP1M melalui Bajet 2018 dan mengakui dana tersebut mampu memanfaatkan lebih banyak rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

"Jadi, saya berharap beliau (Halimah) dapat mempertimbangkan untuk meluluskan permohonan terdahulu sebelum meluluskan permohonan baharu TP1M di bawah Bajet 2018 ini," seru beliau.

## Penternak, peladang disaran tingkat produktiviti melalui penerokaan baharu

**BUKIT TAMBUN -** Usahawan sektor penternakan dan peladangan negeri ini disaran supaya berani meneroka produk serta industri baharu dalam meningkatkan pemasaran hasil produk masing-masing bagi menjana pendapatan lebih lumayan.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada Majlis Pelancaran dan Penyerahan Ternakan, Bantuan dan Kawalan Pencemaran di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Menurut Afif, beliau melihat bidang penghasilan susu kambing adalah antara sektor yang mampu diterokai dan dimajukan di negeri ini sebagaimana di Australia.

"Saya ada ke Australia baru-baru ini, dan kami (rombongan lawatan kerja) lihat di sana mereka mencipta keju daripada susu kambing.

"Jadi, tidak mustahil andai kata dalam pasaran antarabangsa kita boleh temui keju susu kambing '*Made in Penang*' pula selepas ini.

"(Lagipun) kita perlu ada perubahan dalam penghasilan produk-produk tempatan...daripada 10 pembeli (pertama), sekurang-kurangnya lima (orang) mungkin suka dan akan melakukan pembelian berulang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengarah JPV Negeri Pulau Pinang, Dr. Siti Salmiyah Tahir.

Selain itu, tambah Afif, ayam piru juga merupakan salah satu industri ternakan yang mampu membawa pulangan tinggi.

"Permintaan ayam piru sebenarnya tinggi, namun bekalan tidak cukup, dan selalunya kalau ada pun import... kalau datang musim perayaan, permintaan ayam piru adalah lebih berganda," katanya yang turut dibawa melawat reban ayam piru tertutup di sini.

Walaupun reban tersebut hanya bersaiz kecil, difahamkan 300 ayam piru mampu dibela dalam satu-satu masa.



**DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) dan wakil-wakil jabatan terlibat ketika mengadakan lawatan ke reban ayam piru tertutup di sini baru-baru ini.**

## PSC jana minat berinovasi, beri impak perkembangan STEM




**KETUA Menteri asyik mendengar penjelasan salah seorang pelajar ketika hadir pada majlis *TechMentor Radio Telescope Launching Program* di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Penubuhan *Penang Science Cluster* (PSC) lapan tahun lalu hasil inisiatif bersama Kerajaan Negeri dan pemain industri mula menunjukkan impak besar terutamanya dalam perkembangan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan Matematik atau STEM di Pulau Pinang kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, keputusan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan sebuah pusat sehenti sains dan teknologi merupakan keputusan tepat apabila PSC kini bukan sahaja berjaya memberi impak positif dalam bidang STEM, malah turut menjana minat untuk berinovasi.

Menurut beliau, mulanya ramai yang tidak yakin, namun kesungguhan dan kepercayaan yang diberikan oleh pemain industri telah berjaya melonjak nama PSC.

"Sebagai contoh, syarikat perindustrian *Keysight Technologies* (Keysight) yang sudi menaja lima sekolah terpilih untuk mempelajari bidang Teleskop Radio di sini.

"Saya berharap lebih banyak syarikat swasta lain tampil untuk menaja program seumpama ini dan bertindak sebagai projek *Private-Public-Partnership* dalam menyediakan tenaga mahir untuk masa hadapan," ucapnya pada *TechMentor Radio Telescope Launching Program* dekat Wisma Yeap Chor Ee di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Keysight telah menyumbang sebanyak RM25,000 bagi menjayakan program tersebut dengan penglibatan tenaga-tenaga pakar dalam bidang berkaitan.

Seramai 40 pelajar terpilih daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Heng Ee, SJKC Chung Ling, SJKC Phor Tay, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Penang Free dan SMK St. Xavier terlibat dalam program tersebut.

Secara ringkasnya, wakil Keysight menyatakan bahawa program berkaitan adalah yang pertama di Malaysia dengan melibatkan pelajar sekolah, dan teknologi teleskop radio berkaitan berfungsi bagi mendapatkan data di ruang atmosfera bumi yang digunakan dalam ramalan kaji cuaca.

# Exco kecewa KPKT batal lawatan teknikal saat akhir kenal pasti tapak sesuai bangunkan PPR

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo meluahkan rasa kecewa apabila beliau menerima surat makluman daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 6 Oktober lalu berhubung pembatalan lawatan teknikal yang dijadualkan pada 9 Oktober.

Katanya, lawatan tersebut dicadangkan KPKT melalui surat kepada Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri pada 28 September 2017.

"Dalam surat tersebut, KPKT telah bersetuju mengadakan lawatan teknikal ke Jelutong bagi mengenal pasti tapak bersesuaian untuk dibangunkan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Dua lot tanah negeri berkeluasan kira-kira tiga hektar telah dikenal pasti, pada asalnya tanah tersebut adalah untuk pembangunan rumah mampu milik (RMM).

"Kami (Kerajaan Negeri) juga telah mengenal pasti sebidang lagi tanah bersebelahan dua lot tersebut yang dimiliki oleh Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd. seluas 14.674 hektar.

"Tanah tersebut (IWK) dikenal pasti selepas membaca laporan berita yang menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mungkin akan menggunakan tanah rawatan kumbahan itu untuk membina rumah," ujarnya pada sidang media di Taman Mutiara Vista dekat sini baru-baru ini.



(Dari kiri) LIM Siew Khim, Jagdeep Singh Deo dan Jeff Ooi Chuan Aun ketika mengadakan lawatan ke dua lot tanah negeri dekat Jelutong di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, pada Julai lalu, Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Datuk Ahmad Azizi Ali menyatakan bahawa IWK sebelum ini memerlukan lebih banyak tanah untuk loji rawatan kumbahan, namun dek kecanggihan teknologi moden yang diguna pakai, IWK kini hanya memerlukan kawasan yang kecil.

Tambah beliau, tanah IWK yang dikenal pasti di Jelutong itu tidak beroperasi sepenuhnya, dan lawatan teknikal yang dijadualkan pada 9 Oktober lalu adalah untuk menilai sama ada dua lot tanah negeri serta tanah IWK itu sama ada sesuai untuk dibangunkan PPR.

"Saiz gabungan ketiga-tiga lot tanah tersebut adalah kira-kira 18 hektar dan boleh menyediakan lebih daripada 5,000 unit PPR untuk rakyat.

"(Dan) pada waktu ini, Pulau Pinang mempunyai bilangan unit PPR paling sedikit dalam negara dengan hanya 999 unit sahaja sehingga tahun 2015... kita tidak boleh ambil kira Wilayah Persekutuan Labuan yang mempunyai lebih 500 unit kerana ia bukan negeri.

"Unit-unit PPR ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, mereka membinanya (PPR) tetapi diselenggara oleh Kerajaan Negeri," jelasnya.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, unit PPR dikhaskan untuk mereka yang tidak mampu untuk memiliki rumah kos rendah.

"Mereka hanya mampu menyewa pada kadar sewaan yang minimum, dan di Pulau Pinang kira-kira 2,000 orang masih dalam senarai menunggu untuk mendapatkan unit PPR.

"Sebab itu saya selalu kata, apabila soal penyediaan rumah kepada rakyat, jangan libatkan politik kerana ia perlakuan tidak berperikemanusiaan," tegasnya.

Sementara itu, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim yang turut serta dalam sidang media tersebut berkata, permintaan bagi unit PPR adalah tinggi terutama bagi Daerah Timur Laut dan pembatalan lawatan teknikal oleh KPKT ini telah memusnahkan harapan untuk mendapatkan unit PPR di negeri ini.

Turut sama, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

## Empangan Muda mengecil, NRE digesa bertindak segera - Jaseni

**GEORGE TOWN –** Kawasan tadahan air Empangan Muda di Ulu Muda, Kedah kini seolah-olah semakin mengecil akibat penebangan hutan yang semakin banyak.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, statistik terkini menunjukkan bahawa jumlah keluasan kawasan tadahan air di Empangan Muda semakin mengecil.

"Empangan Muda dibina pada tahun 1969 dan kawasan tadahan air yang ditetapkan adalah 98,400 hektar.

"(Dan) menurut laporan Jabatan Perhutanan Kedah pada tahun 2008, tadahan air yang diwartakan untuk empangan ini adalah 22,611 hektar dengan 78,052 hektar diwartakan kawasan hutan untuk pengeluaran balak.

"Terkini (2017), hanya 12,484 hektar daripada 106,418 hektar Hutan Simpan Ulu Muda yang diwartakan sebagai kawasan tadahan air seperti dinyatakan Kementerian Sumber Asli (NRE) menerusi jawapan bertulis kepada soalan Ahli Parlimen Bagan, YAB Tuan Lim Guan Eng di Parlimen," ujarnya melalui kenyataan media pada 26 Oktober lalu.

Justeru, Jaseni menegaskan, NRE perlu bertindak segera bagi mengelakkan lebih banyak pembalakan dan penebangan hutan pada masa hadapan.

Jika tidak, menurut beliau, ia akan dianggap sebagai 'penyokong' pemusnahan hutan hujan Ulu Muda yang sepatutnya berfungsi sebagai kawasan tadahan air penting bagi tiga negeri, iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

"Kerajaan Persekutuan juga perlu campur tangan di Ulu Muda sebelum terlambat.

"Penyelesaian terbaik untuk isu pembalakan di Ulu Muda adalah Kerajaan Persekutuan memberikan pampasan Kedah bagi mewartakan dan memulihara Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air penting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)," jelasnya yang turut bimbang risiko aktiviti pembalakan menjejaskan kesejahteraan 4.09 juta orang di wilayah NCER.

## Bercanggah fakta, Zainal Abidin digesa jelas 16,297 unit PR1MA diumumnya – Exco

**GEORGE TOWN –** Sehingga September lalu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan dua projek PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) di dalam kawasan pentadbirannya.

Perkara tersebut disahkan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo yang merujuk kepada sepucuk surat dikeluarkan MBPP berhubung kebenaran pemajuan projek PR1MA di kawasan pulau sehingga kini.

Katanya, kedua-dua pemajuan projek tersebut adalah melibatkan 3,071 unit perumahan dengan masing-masingnya 1,823 unit di Kampung Kastam dekat Bukit Gelugor, dan 1,248 unit (Batu Feringghi).

"MBPP telah mengesahkan bahawa pihaknya telah meluluskan tiga pemajuan iaitu satu di Batu Feringghi dan dua lagi (pemajuan) di kawasan Kampung Kastam.

"Meskipun telah diluluskan, tetapi sehingga hari ini tiada satu cerucuk atau pun projek PR1MA dimulakan pembinaannya," tegasnya sambil menyatakan bahawa tiada sebarang projek PR1MA diluluskan setakat ini bagi pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Menurut Jagdeep, jumlah tersebut adalah bercanggah dengan fakta-fakta pengumuman yang dibuat Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman menerusi satu kenyataan di sebuah akhbar arus perdana milikan Barisan Nasional (BN) bertarikh 15 September lalu.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah menyemak dengan kedua-dua PBT, ternyata jumlah didedahkan Zainal (Abidin) tidak tepat, saya mahu dia jelaskan angka yang diumumkannya ini," serunya.

Terdahulu, Zainal Abidin dalam kenyataannya menyatakan bahawa sejumlah 16,297 rumah PR1MA telah diluluskan di Pulau Pinang, iaitu melibatkan jenis pangsapuri dan teres di enam lokasi yang bakal dibina di negeri ini.

Berdasarkan kenyataan tersebut, Zainal Abidin dipetik berkata di bawah pentadbiran MBPP, sejumlah 905 unit adalah di Bukit Gelugor, Sungai Pinang (6,796), Teluk Kumbar (3,944) dan Batu Feringghi (1,248). Manakala, masing-masingnya 1,017 unit di Permatang Pauh dan Tasek Gelugor (2,387) bagi kawasan seliaan di bawah MPSP.

Dalam keadaan pemajuan PR1MA yang masih menjadi tanda tanya, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri tidak bersikap diam diri, sebaliknya secara agresif telah merancang pembangunan 17 projek perumahan mampu milik (RMM) membabitkan 27,230 unit di kelima-lima daerah di sini.

Jelas beliau, daripada 17 projek tersebut, lima daripadanya kini berada di peringkat pembangunan iaitu Bandar Cassia, Batu Kawan kini hampir 100 peratus siap, Kampung Jawa (83%), Teluk Kumbar (58%) dan SP Chelliah (45%).

"Sektor swasta juga tidak ketinggalan untuk sama-sama mengambil bahagian yang mana sejumlah 36,759 unit pelbagai jenis RMM telah diluluskan.

"Antara projek swasta yang telah memulakan pembinaan ialah Ramah Pavillion sebanyak 90 peratus pemajuan, Tripinaccle (65%), One Foresta (32%) dan I-Santorini (28%)," jelas beliau.

# Industri tenusu punyai potensi tinggi - Exco

Teks & Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyampaikan bantuan berupa kambing tenusu pejantan baka kepada 17 penternak di sini baru-baru ini.

Ketika berucap, beliau berharap bantuan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPV) tersebut akan mengembangkan lagi perusahaan tenusu negeri.

“Industri tenusu mempunyai potensi tinggi kerana permintaan adalah sentiasa tidak mencukupi termasuk dalam memenuhi permintaan tempatan.

"Selain penghasilan susu segar, permintaan susu untuk memenuhi keperluan sektor Industri Asas Ternakan (IATn) bagi produk berasaskan susu turut mempunyai permintaan tinggi.

“Sekiranya penternak memelihara kambing-kambing tersebut secara baik, Kerajaan Negeri akan memberi milik secara terus,” ujarnya dalam Majlis Penyerahan Kambing Tenusu Pejantan Baka di sini baru-baru ini.

Menurut Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, kos pembelanjaan untuk pembelian baka tersebut adalah mencecah RM99,200.

"Kambing-kambing pejantan tenusu ini diimport khas dari Sydney, Australia.

“Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penggunaan baka berkualiti supaya para penternak mendapat hasil ladang lebih tinggi serta menguntungkan,” ujarnya.

Difahamkan, daripada jumlah 20 ekor ternakan, 10 daripadanya adalah baka pejantan *Saneen*, *British Alpine* (6) dan *Toggenburg* (4).



**DR. Afif Bahardin (berkemeja biru muda) dan wakil-wakil JPV bergambar bersama-sama para penerima pada Majlis Penyerahan Kambing Tenusu Pejantan Baka di sini baru-baru ini.**

# Naik taraf trek joging Taman Tunku demi tingkat tahap kegembiraan komuniti setempat



**TREK joging di Sungai Pertama tidak jauh dari Taman Tunku.**

**SEBERANG JAYA -** Projek menaik taraf semula trek joging sepanjang 626 meter (m) berhampiran Sungai Pertama ke kawasan rekreasi Taman Tunku di sini, yang siap sepenuhnya menelan belanja kira-kira RM60,500.

Ketika berucap, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang hari ini bukan sahaja mengambil kira aspek pembangunan fizikal, malah kegembiraan serta keselesaan hidup komuniti setempat.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerana melaksanakan projek itu berdasarkan aduan serta syor komuniti setempat.

"Saya perhatikan ramai orang kerap kali ke sini, walaupun pada waktu petang.

"Oleh itu, saya mencadangkan kepada Majlis (Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) untuk mencerahkan kawasan ini supaya lebih ramai orang boleh datang dan bersenam di sini," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, sebelum ini trek joging itu sering kali menjadi laluan larian ke Taman Tunku, tetapi gelap serta dianggap tidak selamat oleh komuniti setempat.

Namun, tambahnya, Kerajaan Negeri melalui MPSP menerima aduan daripada komuniti berwajib, sebelum kerja-kerja menaik taraf kawasan rekreasi tersebut dimulakan pada 27 September lalu dan siap sepenuhnya pada 13 Oktober baru-baru ini.

Difahamkan kerja-kerja penarafan lain termasuk pemasangan 11 lampu jalan lengkap dengan 20 tiang penyokong konkrit serta kemudahan senaman lain.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya; ADUN Jawi, Soon Lip Chee dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud turut sertai majlis perasmian pembukaan projek penarafan trek joging berkenaan.



# Naik taraf Jalan Bukit Minyak beri pengganda ekonomi hab industri Batu Kawan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHRISTOPHER TAN**

**MACHANG BUBOK -** Seperti dijanjikan, projek menaik taraf dan pelebaran Jalan Bukit Minyak yang dilancarkan baru-baru ini membabitkan perbelanjaan RM30 juta, iaitu RM21.4 juta kos pengambilan balik tanah, RM7.95 kos pemajuan serta baki adalah kenaan Cukai Barangan dan Perkhidmaan (GST).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, projek itu bukan sahaja akan mengurangkan lagi kesesakan trafik di sini, bahkan sekaligus memberi pengganda ekonomi kepada hab perindustrian bandar baru Batu Kawan yang kian pesat membangun.

"Projek infrastruktur ini akan berintegrasi dengan pembangunan di sekitar Bukit Tengah, Bukit Minyak serta Alma, Bukit Mertajam untuk meningkatkan landskap ekonomi di Batu Kawan dan kawasan-kawasan industri di sekitarnya," katanya dalam majlis pelancaran projek tersebut di sini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut sertai majlis itu.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran Projek Menaik Taraf dan Pelebaran Jalan Bukit Minyak di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Rosli Jaafar dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Difahamkan, projek PDC itu merangkumi kerja-kerja menaik taraf 1.26 kilometer (km) dari dua lorong dengan kelebaran 8.5 meter (m) kepada empat lorong dengan kelebaran 30.48m, termasuk membina dua lorong khas untuk penunggang motosikal.

Guan Eng memberitahu, Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd. yang dipilih secara tender terbuka oleh PDC memulakan kerja-kerja penarafan pada 18 Mac 2016 dan sepatutnya siap pada 17 Mac 2018.

Namun, tambah beliau, tarikh siap projek dilanjutkan sehingga bulan April 2019 disebabkan kerja-kerja pengambilan tanah berwajib.

"Kemajuan projek sedang berjalan kini pada (tahap) 38 peratus," ujarnya.

Selain itu, Guan Eng menjelaskan PDC sehingga kini turut melaksanakan lima projek lain, iaitu:

1. RM7.8 juta projek pembinaan jalan raya menghubungkan *Penang Science Park* dan Juru;
2. RM25.8 juta projek pembinaan jambatan baru di Sungai Kerian, menghubungkan Taman Victoria dan Tanjung Berembang;
3. RM23.9 juta projek penarafan Jalan Bukit Tambun, daripada dua lorong kepada enam lorong;
4. RM33.5 juta pelebaran jambatan sedia ada di Batu Kawan daripada dua lorong selebar 11m, kepada enam lorong selebar 40m; dan
5. RM22.13 juta untuk projek pemajuan jambatan dan jalan sepanjang RM1.2km, dari Batu Kawan ke Valdor.

"Keseluruhan, enam projek infrastruktur ini, termasuk RM7.95 juta projek yang dilancarkan pada hari ini, Kerajaan Negeri dan PDC telah memperuntukkan sejumlah RM122.08 juta untuk pembangunan infrastruktur iaitu jalan raya, jambatan serta kerja-kerja berkaitan di Seberang Perai.

"Kerajaan Negeri dan PDC berbangga untuk memaklumkan bahawa semua enam projek infrastruktur ini adalah bebas daripada bayaran tol," jelas Guan Eng.

# KM seru Pusat bina SMJKT pertama negara di Pulau Pinang

**BAGAN JERMAL -** Sempena sambutan Deepavali, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sekali lagi merayu Kerajaan Persekutuan supaya membiayai kos pembinaan sekolah menengah jenis kebangsaan Tamil (SMJKT) pertama negara di Pulau Pinang, dengan Kerajaan Negeri sanggup menyediakan sebidang tanah sebagai tapak sekolah tersebut di Parlimen Bagan.

Beliau berkata demikian sebelum menyampaikan cek sumbangan RM110,000 kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Mak Mandin, termasuk RM10,000 untuk keperluan tadika-tadika di sini.

**"Sekolah tadika Tamil terbesar negara adalah di Pulau Pinang.**

**"Saya fikir pemberian peruntukan khusus setiap tahun kepada sekolah tadika aliran Tamil yang Kerajaan Negeri lakukan ini mungkin pertama di Malaysia.**

**"Sungguhpun keadaan SJKT di Pulau Pinang hari ini adalah lebih baik, tapi kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) nak buat lebih baik, kita nak Kerajaan Pusat meluluskan pembinaan sekolah menengah Tamil (SMJKT) pertama Malaysia di Pulau Pinang**," serunya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada majlis berkaitan baru-baru ini

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang juga ADUN Bagan Jermal dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan serta Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu, apa salah kiranya Kerajaan Pusat menunjukkan rasa cakna kepada kaum India di tanah air ini, sebagaimana Kerajaan Negeri telahpun laksanakan di Pulau Pinang sejak tahun 2008.

Tambah beliau, sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1,022,368 tidak termasuk RM356,737 pemberian daripada peruntukan khas Ketua Menteri untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil di negeri ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa sehingga tahun 2017, kerja-kerja penarafan yang telahpun disempurnakan Kerajaan Negeri di sekolah berkenaan antaranya dewan terbuka, naik taraf kelas, makmal komputer, bilik pembelajaran ala abad 21, kemudahan berjalan, tandas, bilik guru, prasarana bilik darjah dan buku-buku perpustakaan, serta elaun dan LCD untuk kelas pra sekolah.



**SUASANA di SJKT Mak Mandin di sini.**



# PAD sebagai daerah seni terbesar negara, rantau Asia Tenggara



ILUSTRASI grafik pada sudut menyeluruh tapak PAD.




ILUSTRASI grafik persekitaran PAD.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri akan menubuhkan Daerah Seni Pulau Pinang (*Penang Art District*, PAD) di Gat Lebuh Macallum berhampiran Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dengan pelaburan sebanyak RM30 juta.

PAD dijangka menjadi galeri seni, muzium budaya, ruang pameran, studio seni dan muzik, bengkel serta sekolah seni terbesar di Malaysia dan juga rantau Asia Tenggara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, Kerajaan Negeri komited menerokai bidang-bidang baharu yang dapat mengerakkan pertumbuhan ekonomi negeri.

"Salah satu sumber penting yang kita (Kerajaan Negeri) lihat amat berjaya seperti di negara-negara luar adalah seni, budaya dan warisan.

"Dan...kita (Pulau Pinang) boleh lihat kesan yang amat jelas sekali apabila Kerajaan Negeri memulakan seni melukis dinding sekitar Tapak Warisan Dunia George Town.

"Yang mana, ada di antara lukisan-lukisan (dinding) ini seperti lakaran dua beradik yang menaiki basikal tua telah menjadi termasyhur dan tarikan minat seluruh dunia.

"Jadi, sekiranya kita (Kerajaan Negeri) dapat melipat gandakan apa yang telah berjaya kita (Kerajaan Negeri) paparkan ini dalam sebuah tapak seni yang lebih besar, ianya dapat memberikan pulangan ekonomi rancak," katanya pada sidang media di sini 19 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Dato' Rosli Jaafar (Pengerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC) dan Tony Pua Kiam Wee (Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Selangor).

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan RM30 juta untuk menubuhkan PAD di kawasan seluas 9.2 ekar berkonsepkan kontena.

"Bagi menggambarkan warisan perdagangan dan maritim Pulau Pinang, konsep kontena akan digunakan di ruang seluas 100,000 kaki persegi.

"Gaya modular ini akan membolehkan fleksibiliti dan peluang yang lebih besar untuk berkembang di masa hadapan sesuai dengan masa serta komuniti seni di Pulau Pinang," jelasnya yang merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Tambah Guan Eng, pelan induk bagi PAD telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk mendapatkan kebenaran merancang.

"BYG Architecture Sdn. Bhd. (BYG Architecture), iaitu sebuah syarikat reka cipta yang berpengkalan di Pulau Pinang telah dilantik sebagai pereka utama bagi PAD," ujarnya.

Dalam pada itu, Tony Pua menyatakan bahawa pihak PAD bersama-sama BYG Architecture akan mengadakan dialog serta perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam kalangan komuniti seni tempatan bagi memenuhi keperluan mereka.

"PAD bertujuan memusatkan komuniti-komuniti seni di Pulau Pinang dan juga di rantau Asia Tenggara.

"Diharap, ia akan menjadi tumpuan ataupun lokasi yang mana semua pihak yang bergiat aktif dan meminati seni dapat berkumpul memandangkan belum ada pusat seni seumpamanya di Asia Tenggara," jelasnya lanjut.

## Pembangunan modal insan kemahiran tinggi & profesional, keutamaan Pulau Pinang

**GEORGE TOWN –** Usaha pembangunan modal insan berkemahiran tinggi dan profesional bagi memenuhi permintaan pasaran kerjaya khususnya bidang reka bentuk kejuruteraan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) terus menjadi keutamaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, cabaran paling getir dihadapi negara kini adalah kekurangan tenaga kerja mahir, dan Pulau Pinang adalah tidak terkecuali.

"Pulau Pinang kini menjadi 'mangsa' atas pelbagai kejayaan dan pencapaian cemerlang yang dikecapi.

"Sebagai sebuah negeri perindustrian dengan 95 peratus kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) disumbangkan oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan sejak 2008, kekurangan tenaga kerja mahir menjadi masalah utama yang perlu dihadapi," ucapnya pada Majlis Perasmian Persidangan ARTDO World International Conference On Leadership & Talent Development (Persidangan ARTDO) di sini baru-baru ini.

Namun begitu, menurut Guan Eng, meskipun Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang tidak mempunyai sumber asli dan galian, ia tidak menghalang negeri ini mencatat pertumbuhan ekonomi antara tertinggi di Malaysia.

"Pulau Pinang mencatatkan nilai pelaburan yang tinggi dalam sektor pembuatan sejak sembilan tahun lepas antara 2008 hingga 2016 dengan nilai pelaburan berjumlah RM59 bilion, iaitu peningkatan 73 peratus berbanding sembilan tahun sebelumnya (1999 – 2007), RM34 bilion.

"Saya juga berbangga apabila Pulau Pinang menjadi hos bagi dua pengeksport tunggal Malaysia yang berada di kedudukan pertama dan kedua, iaitu syarikat *Avago Technologies* yang menyumbang RM20 bilion eksport tahunan untuk 2017 atau 2.3 peratus keseluruhan eksport negara.

"(Dan) syarikat *Broadcom Limited* (Broadcom) menyumbang RM70 bilion menjelang tahun 2018, dan Broadcom sahaja menyumbang 8 peratus jumlah eksport tahunan Malaysia.

"Nilai eksport bagi suku pertama (Q1) 2017 juga meningkat 22 peratus dengan nilai RM52.9 bilion berbanding tempoh sama tahun lalu, RM43.5 bilion dan sektor elektrik dan elektronik (E&E) menjadi penyumbang utama," jelasnya yang turut meletakkan sasaran sumbangan 30 peratus bagi keseluruhan jumlah eksport negara.

Guan Eng dalam pada itu turut memuji penganjuran Persidangan ARTDO Ke-44 berkaitan kerana memilih Pulau Pinang sebagai lokasi persidangan.

Bertemakan '*Transforming Leaders and Talents for a Better World*', persidangan antarabangsa tersebut antara lain menjadi medan perkongsian ilmu dalam mendepani cabaran masa kini dengan ledakan teknologi terkini dan transformasi masa hadapan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Presiden ARTDO International. Isa Abdulla Bu Ali dari Bahrain; Presiden Emeritus ARTDO International, Datuk Dr. Thomas Chee (Malaysia) dan Naib Cancelor Universiti Sains Malaysia (USM), Datuk Dr. Asma Ismail.




# Prinsip CAT Kerajaan Negeri berlandaskan Maqasid Syariah – Exco

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Zainal Abidin Jaafar (kiri sekali) sambil disaksikan Sazali Hussein pada Majlis Penutup Wacana Indeks Syariah Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**BERTAM –** Pentadbiran Kerajaan Negeri berprinsipkan Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) adalah berlandaskan Maqasid Syariah dan landasan agama Islam, ujar Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tersebut berkata bahawa Kerajaan Negeri sudah mengetengahkan perkara berhubung Maqasid Syariah itu sejak tahun 2011.

"Pada masa itu, kita (Kerajaan Negeri) juga menganjurkannya melalui seminar dan dirasmikan oleh mantan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

"Maqasid Syariah juga mampu menjadikan pentadbiran sesebuah kerajaan, mahupun jabatan itu lebih baik dan berkesan," ucapnya pada Majlis Penutup Wacana Indeks Syariah Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Mufti Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah, Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (JHEIPP), Dato' Sazali Hussein dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Zainal Abidin Jaafar.

Seminar wacana anjuran JAKIM itu antara lain bertujuan mengukur tahap perlaksanaan konsep-konsep Maqasid Syariah serta manfaatnya kepada rakyat.

Mengulas lanjut, Abdul Malik memberitahu, pentadbiran melalui Maqasid Syariah juga perlu disepadukan bersama tiga perkara iaitu pemahaman, pembudayaan dan bijaksana.

"Pemahaman amat penting bagi memastikan pelaksanaan itu dapat dijalankan dengan lebih baik serta berkesan.

"Pada tahun 2010 juga, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan konsep Wasatiyah (kesederhanaan) sebagai tema sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

## Kadar pelancongan negeri kian pesat - KM



SEBAHAGIAN pengunjung *MATTA Fair Penang 2017* di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Penganjur *MATTA Fair Penang 2017* menjangkakan perolehan jualan sebanyak RM20 juta untuk tiga hari acara penganjuran berdasarkan permintaan terhadap perjalanan serta lawatan domestik dan asing yang kian meningkat.

Presiden Persatuan Ejen Pelancongan dan Penggembaraan Malaysia (MATTA), Datuk Tan Kok Liang berkata, tahun lalu (2016), penganjuran tersebut mencatatkan lebih 15,000 pelawat dengan jualan keseluruhan sekitar RM15 juta.

"Dengan penyertaan kira-kira 133 ruang pameran, saya percaya kami mampu menjana perolehan lebih tinggi berbanding tahun lalu.

"Maka, tahun ini, MATTA menjangkakan akan menerima lebih 18,000 pengunjung dengan perolehan jualan RM20 juta," ujarnya pada Majlis Perasmian MATTA Fair Penang 2017 di sini baru-baru ini.

Pemeran tersebut antara lainnya turut menawarkan lebih daripada RM20,000 hadiah kepada pemenang bertuah seperti tiket penerbangan percuma dan baucar hotel.

Kok Liang memberitahu, berdasarkan Kajian Pelancongan Pulau Pinang 2016, pelawat pada tahun tersebut terdiri daripada 49.7 peratus warga asing dan negeri-negeri lain di Malaysia (50.3 peratus).

"Pulau Pinang mencatatkan angka ketibaan paling tinggi iaitu sebanyak 6.2 juta tahun lepas," jelasnya.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng yang merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam menyatakan bahawa kadar pelancong negeri yang kian pesat boleh dilihat daripada pertumbuhan bilangan pelawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (PIA) dan Bukit Bendera.

"Sebelum tahun 2008, Bukit Bendera hanya menerima sekitar 200,000 penumpang setahun dan angka ini telah melonjak kepada 1.7 juta penumpang kini.

"Manakala, PIA dijangka mencapai kapasiti 6.5 juta penumpang pada tahun 2020. Tetapi tahun lalu, kapasiti maksimum ini telah melebihi 6.7 penumpang, dan tahun ini (2017) menyaksikan pertambahan bilangan penumpang kepada 7.1 juta orang," kata beliau.



# TPM80PP, lulus kerja pembaikan lif demi komitmen selesa rakyat

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PERAI -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mengumumkan kelulusan kerja-kerja pembaikan lif bernilai RM193,658.40 melalui skim Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP) bagi Blok D2, Pangsapuri Teluk Indah 1 di sini baru-baru ini.

Katanya, kelulusan tersebut menunjukkan komitmen dan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap keselesaan rakyat negeri ini dalam menyelenggara skim-skim perumahan layak yang berharga di antara RM42,000 hingga RM150,000.

“Sejak skim ini diperkenalkan pada tahun 2013, sebanyak 95 projek telah diluluskan, dan dilaksanakan bernilai RM11.16 juta.

"Manakala, tahun ini (2017) sehingga September lalu, sejumlah 36 projek telah diluluskan dengan nilai RM5.10 juta," katanya ketika meninjau sendiri keadaan lif baru di lokasi berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri



**PROF. Dr. P. Ramasamy (sembilan dari kanan), Jagdeep Singh Deo (lapan dari kanan), barisan Ahli Majlis MPSP dan wakil-wakil penduduk bergambar kenangan dengan berlatarbelakangkan Blok D2, Pangsapuri Teluk Indah 1 di sini baru-baru ini.**

II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), M. Satees dan David Marshal.

Jagdeep dalam pada itu turut melahirkan kekesalan beliau terhadap prestasi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) milik Kerajaan Pusat yang dilihat langsung tidak meluluskan peruntukan penyelenggaraan bagi negeri Pulau Pinang sejak tahun lepas.

“Pada 14 September lalu, saya arahkan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan MPSP untuk menulis surat kepada Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU) milik Kerajaan Pusat, tetapi sehingga kini telah hampir sebulan belum menerima maklum balas.

“Jika benar untuk tahun 2016 dan 2017 mereka (ICU) ada luluskan projek TP1M seperti didakwa melalui penerbitan satu buku, sila jawab surat itu,” tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai menafikan dakwaan pihak tertentu bahawa beliau tidak memberikan sebarang bantuan dalam usaha menambahbaik kemudahan Pangsapuri Teluk Indah.

“Untuk pengetahuan semua, saya melangsaikan bayaran bil elektrik dan air di Blok E1 dan E2 yang bernilai hampir RM1 juta.

“Malah, saya turut menyumbang RM33,000 untuk pembaikan lif tersebut," jelasnya.


PEARL SAUJANA FASA 1A & 1B ( BANDAR TASEK MUTIARA) @ SIMPANG AMPAT
HAKMILIK KEKAL



RUMAH TERES 2 TINGKAT (FASA 1A)
Keluasan Tanah : 1,206kp (min) -2,486kp (mak)
Keluasan Binaan : 2,047kp (min) - 2,161kp (mak)
Harga Jualan : RM558,000 (min) - RM691,000 (mak)
Bilangan Unit : 99



RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (FASA 1A)
Keluasan Tanah : 2,164kp (min) - 3,068kp (mak)
Keluasan Binaan : 2,489kp (min) - 2,489kp (mak)
Harga Jualan : RM698,000 (min) - RM800,000 (mak)
Bilangan Unit : 20



RUMAH TERES 2 TINGKAT (FASA 1B)
Keluasan Tanah : 1,206kp (min) -2,325kp (mak)
Keluasan Binaan : 2,047kp (min) - 2,161kp (mak)
Harga Jualan : RM548,000 (min) - RM683,000 (mak)
Bilangan Unit : 100




PALMINGTON SDN BHD (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth.
Tel: 04-324 0088 Fax: 04-324 0090
Email: tilb@tambunindah.com

5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

No. Lesen Pemaju : 11882-9/05-2018/0344(L)
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-9/05-2018/0344(P)
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No.RujukanPelanBangunan: MPSP/40/20-75/57
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : Dec 2018
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : OCBC
Sekatan Kepentingan : Tiada

Tempoh Sah : 17/05/2016 - 16/05/2018
Tempoh Sah : 17/05/2016 - 16/05/2018

BilanganUnit:
Rumah Berkembar 2 Tingkat (Fasa 1A) - 20 unit
Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 1A) - 99 unit
Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 1B) -100 unit

# Naik taraf lorong belakang kikis persepsi negatif, jadi tarikan baharu




CANVAS warna-warni yang turut dipasang.

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyifatkan projek mentransformasikan lorong belakang dapat mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap lokasi berkenaan yang gelap, berbahaya, terbiar dan kotor kepada suasana lebih selamat, hijau serta bersih.

Katanya, projek tersebut bukan sahaja dapat mengindahkan lorong belakang, malah turut mewujudkan laluan alternatif yang lebih selamat kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.

"Projek ini pasti dapat menjadi mercu tanda baharu di bandar George Town.

"Reka bentuk canvas yang berwarna-warni disediakan di pintu masuk bagi menarik perhatian orang awam dan mewujudkan suasana 'mengalu-alukan' (*sense of welcoming*).

"Manakala, gaya reka bentuk di lorong belakang pula mengadaptasikan '*raw design*' bagi mengekalkan identiti dan ciri-ciri seni bina sedia ada.

"Bahan binaan mentah seperti '*recycled wood*', simen mentah dan batu-bata digunakan supaya reka bentuk lorong belakang 'berharmoni' dengan bangunan lama yang memiliki ciri-ciri khas dan menjadi daya tarikan di mata pengunjung," ucap beliau pada Majlis Perasmian Projek Menaik Taraf Lorong Belakang Yang Menghubungkan Jalan Magazine Ke Jalan Gurdwara di sini baru-baru ini.



LORONG belakang yang dinaik taraf dapat memberikan ruang kepada penduduk menjalankan aktiviti rekreasi.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seng; Pengarah Urusan M Summit Group, Datuk Albert Moh See Eng; Pengarah World Class Global, Datuk Frank Koay.

Guan Eng dalam pada itu berharap projek naik taraf lorong belakang berkaitan mampu menjadi contoh kepada lokasi-lokasi lain di negeri ini.

"Projek menaik taraf lorong belakang ini merupakan projek contoh yang baik... maka saya berharap banyak lagi lorong belakang di Pulau Pinang boleh dinaik taraf dan dimanfaatkan oleh rakyat tempatan," ujarnya yang juga ADUN Air Putih.

Difahamkan, projek naik taraf sepanjang 135 meter, berkeluasan 870 meter persegi tersebut merupakan projek tanggungjawab korporat sosial (CSR) M Summit dan *World Class Global* bernilai RM840,000.

Antara kerja-kerja yang terlibat termasuk menaik taraf lorong belakang, membina semula longkang, kerja-kerja landskap , memasang lampu, papan tanda, kerja-kerja utiliti dan kerja-kerja pengindahan lain.

## Pembangunan ruang pejabat moden berstatus MSC gabungkan elemen warisan, teknologi

**GEORGE TOWN –** Dua gudang dan sebuah rumah kedai bangunan warisan di Lebuh Victoria di sini bakal dipulihkan semula sebagai ruang pejabat berstatus MSC moden dengan suntikan dana penuh daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM10.3 juta.

Pemuliharaan dua gudang di No. 161 dan 163, serta sebuah rumah kedai (No. 165) adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk memulihara bangunan warisan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek pemulihan tersebut bakal mengekalkan elemen warisan sedia ada di samping menggabungkannya kepada teknologi moden.

"Projek pemulihan ini pastinya akan menjadi pemangkin kepada Industri 4.0 dan membantu memacu pemuliharaan serta pemulihan semula lokasi ini dengan gabungan elemen masa lalu, sekarang dan juga masa hadapan.

"Dengan menggabungkan teknologi dan warisan, kita (Kerajaan Negeri) dapat memajukan Pulau Pinang menjadi sebuah bandar pintar bermaklumat ke arah Revolusi Perindustrian 4.0 memfokuskan kepada *Big Data Analysis*, Pengkomputeran Awan dan *Internet of Things* (IoT).

"Selaras itu, PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) selaku Pengurus Projek telah menyesuaikan penggunaan semula bangunan berusia lebih 100 tahun ini kepada sebuah pejabat berstatus MSC dengan kelengkapan infrastruktur moden," ujarnya pada Majlis Pelancaran Kerja-kerja Pemuliharaan dan Tukar Guna Gudang dekat Lebuh Victoria di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Difahamkan, kerja-kerja di tapak kini telah mencapai 13 peratus dan ia dijangka siap sepenuhnya pada 26 September 2018 dengan ruangan lantai akan meningkat kepada 1,223.8 meter persegi selepas pemulihan berbanding 847.11 meter persegi sebelumnya.

Tambah Guan Eng, projek pemulihan di Lebuh Victoria tersebut adalah projek kedua di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town selepas pembangunan semula Wisma Yap Chor Ee sebagai pusat sains.

"Kebanyakan daripada komuniti kreatif sememangnya gemarkan persekitaran yang unik dan mempunyai elemen warisan sebegini," jelasnya.




Oleh: **ME**



RUPA bentuk gudang kini.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohd. Rizal Abd. Hamid<br>rizalhamid.ppksa@gmail.com | 012 - 424 3878 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - |
| N2 | Bertam | 012 - 466 9681 | Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | 012 - 505 1334 | Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | 016 - 412 8588 | Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | 012 - 475 4326 | Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | Nurafiqah<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 383 9131 | Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 013 - 580 2547 | Mohd. Izzuan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 010 - 811 7300 | Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Nayim |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 016 - 231 0806 | Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 464 3004 | Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang November 2017




24hb November - 3hb Disember
***10 Days Festivals***


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Dari suka-suka, karya seni arca pasir mampu jana pendapatan Ikhwan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SIAPA** sangka, arca pasir yang dibina di pantai Batu Feringghi atas dasar 'suka-suka', lalu menjadi hobi dan kini menjana pendapatan bagi **MOHAMMAD IKHWAN IBRAHIM**, 27.

Beliau bersyukur, hasil arca pasir yang dihasilkan di mana-mana ruang awam kian menggamit perhatian banyak pihak, sampai ada yang merakam atau berswafoto.

Bagaimanapun katanya, bidang arca pasir ini begitu baru di Malaysia dan masih kurang mendapat perhatian, berbanding di negara-negara jiran.

"Sebenarnya arca pasir ini merupakan gabungan antara seni, kejuruteraan dan fizik.

"Ketika kali pertama dan berjinak-jinak dengan arca pasir, saya cuma belajar melalui saluran *YouTube* dan internet.

"Selepas menghasilkan arca sekadar suka-suka di Batu Feringghi, ramai yang tegur kenapa tidak komersialkan.

"Dari situ, sebuah pusat beli-belah di Tanjung Tokong menerima pelawaan saya untuk menghasilkan arca pasir pertama di sana secara komersial," ujar figura yang kini menuntut dalam bidang Seni Bina Landskap di Universiti Sains Malaysia (USM) sepenuh masa.

### Cabaran

Menurut Mohammad Ikhwan, apa sahaja bidang diceburi pasti ada cabaran tersendiri.

Begitu jua lah dalam bidang yang diceburi beliau, penghasilan arca pasir yang menggabungkan seni, kejuruteraan dan fizik, pastinya kekukuhan struktur arca.

"Bagi arca pasir, jenis pasir yang digunakan mestilah pasir sungai, kerana pasir sungai mempunyai tekstur segi empat berbanding pasir pantai yang bulat.

"Kelembapan pasir juga penting dalam memastikan struktur berada dalam keadaan kukuh.

"Selalunya, apabila arca siap, ianya memang kukuh melainkan ada 'sentuhan' dari luar yang nak merasai betul-betul pasir atau tidak.

"Maka di situlah akan berlaku kerosakan hasil arca yang dihasilkan, itu antara cabaran yang besar untuk bina semula arca tersebut," ujar Mohammad Ikhwan ketika menerima kunjungan Buletin Mutiara di Dewan Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Di sini, beliau menghasilkan arca burung merak, sempena perayaan Deepavali baru-baru ini.

Selain itu, Mohammad Ikhwan manyatakan bahawa kebiasaannya arca pasir dibina secara berkumpulan, namun beliau selesa untuk melakukan bersendirian.

"Untuk projek-projek saya setakat ini, biasanya saya ambil masa empat hari untuk disiapkan... dari proses pengeringan pasir sehingga ukiran.

"Arca perlu dilembabkan dalam menjaga kekuatan struktur," katanya.



ORANG ramai tidak ketinggalan merakamkan gambar arca merak unik yang dihasilkan Mohammad Ikhwan Ibrahim baru-baru ini.

### Projek-projek arca

Difahamkan, Mohammad Ikhwan sudah menghasilkan 10 arca pasir, sejak bergiat aktif dalam aktiviti unik berkaitan pada tahun 2014.

"Antara tempat yang pernah diberi peluang bina arca ini termasuk Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, ruang legar Komtar, bangunan-bangunan korporat dan pejabat, pusat membeli-belah dan termasuk di Dewan Bandaraya bagi MBPP.

"Projek luar Pulau Pinang pula, saya pernah buat di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Labuan.

"Kebiasaannya, idea dan pemilihan konsep saya beri kebebasan kepada pelanggan dan berbincang secara teliti.

"Perlu diingat juga dalam mencipta karya arca pasir ini, saya perlu berhati-hati terutamanya melibatkan keagaaman kerana tidak mahu isu-isu sensitiviti timbul," maklumnya.

Mewarnakan arca merupakan satu percubaan baharu untuk projek arca merak di Dewan Bandaraya ekoran menerima banyak pandangan orang ramai yang inginkan arca tersebut diwarnakan.

### Harapan

Tanpa berselindung, Mohammad Ikhwan mengharapkan seni arca pasir berkenaan akan terus berkembang di Malaysia dengan penglibatan generasi-generasi muda.

"Saya amat galakkan bakat-bakat muda untuk berkecimpung dalam seni pasir ini kerana ianya mampu mendatangkan hasil lumayan serta boleh dilakukan secara '*part time*' andai pandai membahagikan masa.

"Saya berhasrat agar satu hari nanti, Pulau Pinang boleh anjurkan festival seni di pantai yang dipraktikkan di Singapura.

"Kawan-kawan di sana cakap, Malaysia miliki pantai yang luas dan besar, kenapa tidak dianjurkan acara sebegitu yang boleh menggamit kedatangan pelancong.

"Dan untuk itu, sememangnya saya sedang mengumpul maklumat, penaja, tenaga kerja serta pihak-pihak berkepentingan untuk menjayakan festival seumpama itu," jelasnya sambil mengharapkan Kerajaan Negeri mampu membantu beliau.

Bagi yang berminat melihat hasil karya beliau, boleh layari lama *Facebook*, Ikhwan Saloot atau terus menghubunginya di talian 017 - 497 0297.

## Kerajaan Negeri giat bangun SPS, perkasa pendidikan kaum India Pulau Pinang

**JAWI** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) kini tidak boleh dipandang sebagai kawasan 'kampung' lagi.

Katanya, sejak Pakatan Harapan (PH) memegang tampuk pemerintahan, telah banyak pembangunan dijalankan di SPS.

"Di SPS sahaja, perbelanjaan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di sini mencecah RM121 juta (2008 hingga 2017) dan tidak pernah ada sejarah perbelanjaan sebegini di SPS sebelum pentadbiran PH.

"Ekoran pembangunan pesat SPS, gedung membeli-belah IKEA turut berminat membuka premis mereka di sini. IKEA tidak akan sesuka hati membuka premisnya, jadi Seberang Perai dipilih memandangkan lokasi berkaitan adalah pemacu ekonomi negeri masa hadapan," ucapnya di Majlis Rumah Terbuka Deepavali Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini 29 Oktober lalu.

Turut hadir, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Yang di-Pertua DUN, Dato' Maktar Shapee; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, barisan Exco, Ahli-ahli DUN; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Ahli- ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Selain itu, menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri PH yang adil untuk semua kaum serta bangsa turut membelanjakan wang dalam memperkasakan pendidikan masyarakat India di negeri ini.

"Sejak 2008 hingga 2017, Kerajaan Negeri membelanjakan sebanyak RM15.516 juta bagi sekolah-sekolah Tamil, dan peruntukan RM560,000 untuk tadika-tadika Tamil demi menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif.

"Kerajaan Negeri juga telah memberikan peruntukan RM564,000 kepada sekolah-sekolah Punjabi, dan RM536,000 kepada Tabung Khas Pendidikan Tamil Pulau Pinang sejak 2008 hingga 2017," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Tidak terhenti di situ, tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri juga telah menyuarakan kesanggupan menyediakan sebidang tanah percuma untuk Kerajaan Persekutuan bagi membina Sekolah Menengah Tamil pertama di negara ini dan ianya akan didirikan di Seberang Perai.



# KM lahir kekesalan tol Jambatan Pulau Pinang tidak dimansuhkan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAGAN DALAM -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melahirkan rasa kecewa apabila tol Jambatan Pulau Pinang tidak dimansuhkan, sebaliknya dilanjutkan hingga tahun 2038.

Kekecewaan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir pada Majlis Perasmian Rain Garden dan Pelancaran Buku Lost In Bagan dekat Jalan Jeti Lama di sini 28 Oktober lalu.

Beliau berkata, seharusnya tol jambatan pertama (Pulau Pinang) dimansuhkan memandangkan kos sebenar telahpun dapat dikutip semula, tetapi sebaliknya ia dilanjutkan hingga tahun 2038.

“Jadi ini menimbulkan rasa kurang puas hati, mengapakah tol jambatan pertama ini tidak dimansuhkan.

“Ia juga adalah antara kutipan tol terawal di dalam negara sepertimana empat tol yang dimansuhkan di dalam pengumuman Bajet 2018 oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

“Sebaliknya, mereka (Kerajaan Pusat) telah melanjutkan tol ini hingga tahun 2038 bagi membiayai kos Jambatan Kedua Pulau Pinang,” katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan di sini.

Turut serta, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Bagi memansuhkan empat tol tersebut, Guan Eng memberitahu bahawa sudah tentunya Kerajaan Pusat akan membuat bayaran.

“Tetapi, apa yang kita difahamkan oleh Menteri Kewangan Kedua, bahawa mereka (Kerajaan Pusat) mungkin tak akan bayar, tapi akan lanjutkan tol konsesi lain,” jelasnya.

Bercakap pada sidang media sama, Guan Eng turut menyatakan kekesalan apabila Bajet 2018 tersebut tidak langsung menyentuh berhubung penambahbaikan mutu perkhidmatan feri.

Menurutnya, perkhidmatan feri tidak akan memberi kesan lebih baik selagi tiada pelaburan modal untuk membeli feri dan kelengkapan baharu yang dianggarkan sekurang-kurangnya memerlukan sekitar RM100 juta.

“Kita (Pulau Pinang) perlu tahu bagaimana Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) yang telah mengambil alih perkhidmatan feri akan menambahbaik serta 'menghidupkan' kembali feri Pulau Pinang.

“Sekiranya mereka (Prasarana) tak ada wang, bagaimanakah mereka ingin menambahbaik mutu perkhidmatan feri.

“Seharusnya, Kerajaan Pusat menyuntik dana...jika tak, mereka (Prasarana) akan menanggung rugi sekitar RM23 juta setiap tahun,” ujar Guan Eng.

## KN sambut baik pemansuhan GST ke atas perkhidmatan pembekalan PBT, dapatkan klasifikasi lanjut – KM

**BUKIT TENGAH -** Pemansuhan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ke atas perkhidmatan pembekalan membabitkan Kerajaan Tempatan disambut baik Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, meskipun berasa hampa GST tidak dimansuhkan sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya pengumuman pemansuhan perkhidmatan pembekalan membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memberikan sedikit penjimatan.

“Tetapi... kita (Kerajaan Negeri) perlu dapatkan klasifikasi dan penjelasan lebih lanjut sama ada tempat letak kereta dan dewan dikenakan bayaran (GST) ataupun tidak.

“Walau bagaimanapun, rakyat Pulau Pinang tidak perlu khuatir kerana kos (perkhidmatan pembekalan) ini sememangnya ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

“Kerajaan Negeri membelanjakan RM20 juta (perkhidmatan pembekalan) GST ini bagi pihak rakyat kepada Kerajaan Pusat,” ujarnya yang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan di majlis rumah terbuka sempena sambutan Deepavali di sini 28 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Mengulas mengenai pembentangan Bajet 2018 tersebut, Guan Eng memberitahu, seharusnya Kerajaan Pusat di bawah pentadbiran Perdana Menteri tidak mengenakan GST ke atas projek-projek pembangunan rakyat seperti pembinaan jalan, dewan orang ramai, pasar, longkang dan sebagainya.

“GST ke atas projek-projek pembangunan untuk rakyat sepatutnya dikecualikan juga.

“**Semenjak mengambil alih pemerintahan Negeri pada tahun 2008, sejumlah RM3.1 bilion telah dibelanjakan Kerajaan Negeri ke atas projek-projek pembangunan rakyat**.

“**Jika kadar 6 peratus dikenakan kepada jumlah RM3.1 bilion ini, maka lebih kurang RM200 juta adalah untuk membayar GST sahaja.**

“**Jumlah besar (RM200 juta) ini jika dikecualikan boleh memberikan lebih banyak manfaat projek-projek untuk rakyat**,” jelas beliau.

## Pembesaran PIA, KN harap Pusat tingkat kapasiti kepada 12 juta penumpang

**BUKIT TENGAH -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap Kerajaan Pusat dapat mempertimbangkan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) kepada kapasiti 12 juta berbanding sembilan juta sepertimana dibentangkan Perdana Menteri pada Bajet 2018 baru-baru ini.

Katanya, kapasiti PIA tahun lalu (2016) telah mencecah 6.7 juta penumpang jika dibandingkan sepatutnya 6.5 juta (2020).

“Bermakna, ia (PIA) telah penuh empat tahun lebih awal, dan tahun ini (2017) jumlah tersebut telah meningkat kepada 7.1 juta.

“Maka, sekiranya kerja menaik taraf hanya membabitkan sembilan juta penumpang sahaja, kita (Kerajaan Negeri) bimbang ketika projek naik taraf ini siap dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi, kuota (sembilan juta) tersebut telah penuh.

“Atau sebelum projek naik taraf siap, ia sudahpun penuh,” seru Guan Eng pada sidang media Rumah Terbuka Deepavali anjuran DAP Pulau Pinang di Dewan Serbaguna Perkampungan Juru di sini 28 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, beliau menjangkakan bilangan penumpang akan lebih berkembang pesat berdasarkan kepada pengumuman syarikat penerbangan nombor satu dunia, *Qatar Airways* yang akan melakukan penerbangan terus Doha ke Pulau Pinang bermula 6 Februari 2018.

“Apabila ada penerbangan antarabangsa terus sebegini, kita (Kerajaan Negeri) menjangkakan bilangan penumpang akan lebih bertambah pesat.

“Penerbangan antarabangsa ke luar negara tidak lagi perlu melalui KLIA (*Kuala Lumpur International Airport*).

“Justeru, ini akan memberikan keyakinan kepada orang ramai, pelabur dan pelancong,” ujarnya.

*Rujuk juga muka 19.*

## Pengumuman demi pengumuman PR1MA, namun tiada penyampaian serta pelaksanaan berkesan - Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo meluahkan rasa kecewa apabila pengumuman demi pengumuman yang dibuat Perdana Menteri ketika membentangkan Belanjawan Negara berhubung hal perumahan serta kediaman di bawah program PR1MA, namun dilihat masih belum mencapai objektifnya.

Menurut Jagdeep, sejak program PR1MA diperkenalkan pada tahun 2012, Perdana Menteri hanya mengulangi pengumuman 'usaha' pemilikan rumah untuk rakyat.

“Jelas sekali, semasa perbentangan bajet baru-baru ini, pengumuman yang dibuat (oleh Perdana Menteri) adalah berulang kerana setiap tahun sejak penubuhan PR1MA pada 2012, pengumuman demi pengumuman dibuat untuk membina sekian unit rumah PR1MA.

“Malah, jika dirumuskan (bajet) sejak 2013 sehingga 2018, sejumlah 625,000 unit PR1MA telah dijanjikan, namun, berdasarkan jawapan bukan lisan yang diajukan oleh Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin di Parlimen, hanya 1,332 unit rumah PR1MA telah siap.

“Jawapan ini adalah daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim yang menyatakan sebanyak 1,332 unit rumah PR1MA telah disiapkan iaitu di Putrajaya, Kuala Ketil dan Sungai Petani 2 di Kedah.

“(Dan) daripada jumlah itu, 883 unit telah selesai serahan kunci kepada pembelinya...kenyataan ini amat menyakiti sebab saya suka program PR1MA, tapi tidak ada gunanya kalau pengumuman demi pengumuman dibuat, namun tiada penyampaian dan pelaksanaan yang berkesan...sangat mengecewakan...janganlah kelirukan rakyat,” tegasnya pada sidang media di sini 30 Oktober lalu.

Tambah Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat, adalah lebih mengecewakan apabila daripada unit PR1MA yang telah siap dibina di Malaysia, tidak ada satu unit pun dibina di Pulau Pinang.

“Tidak seperti Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memastikan penyampaian lebih berkesan dalam membekalkan rumah untuk rakyat dapat direalisasikan.

“(Dan) sehingga tahun 2016, sejumlah 20,887 unit rumah mampu milik pelbagai kategori merangkumi pemaju swasta dan awam telah siap dibina dan memiliki Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

“Malah, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk membina sejumlah 27,230 unit di lima daerah di negeri ini bawah 17 projek pembangunan pada masa akan datang,” jelas beliau.

Terdahulu, ketika membentangkan Belanjawan 2018, Perdana Menteri, Datuk Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak memberitahu bahawa 210,000 unit rumah di bawah program PR1MA yang berharga RM250,000 dan ke bawah akan dibina dengan nilai peruntukan RM1.5 bilion bagi tempoh dua tahun.

# PBAPP tidak hadapi sebarang masalah aliran tunai - Jaseni

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan pinjaman mudah kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd. berjumlah RM140 juta bagi membiayai projek-projek perbelanjaan modal (CAPEX) yang membolehkan 'Dasar Tiada Catuan Air' di negeri ini dilaksanakan.

Dalam satu kenyataan akhbar oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, beliau kesal apabila terdapat laporan berita yang melaporkan seolah-olah PBAPP mengalami masalah aliran tunai.

"Ia (laporan berita) sememangnya tidak benar sama sekali.

"PBAPP tidak menghadapi sebarang masalah aliran tunai pada tahun 2017, malah syarikat senaraian awam PBA Holdings Berhad (PBAHB) juga mencatatkan keuntungan operasi dan membayar dividen kepada pemegang saham selama 14 tahun berturut-turut sejak 2003," katanya di sini.

Menurut Jaseni, PBAPP terus melabur dalam projek CAPEX bagi menambah baik perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang selaras dengan komitmen ISO 9001:2008 ke arah peningkatan berterusan.

"Kos projek CAPEX adalah sangat tinggi dan memerlukan pembiayaan yang mencukupi, dan bagi tempoh 2008 sehingga 2016, PBAPP telah melabur sebanyak RM484 juta dalam 262 projek CAPEX di Pulau Pinang.

"(Dan) pada 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil langkah ke hadapan dengan menyediakan dua pinjaman mudah berjumlah RM140 juta kepada PBAPP bagi mengelak semakan tarif air," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jaseni menyatakan bahawa pinjaman tersebut akan digunakan bagi projek pembangunan air, menaik taraf dan membina loji rawatan air dan takungan, pemasangan paip utama baharu, pengurusan air tanpa hasil serta projek sistem perkomputeran dan sistem maklumat geografi (GIS).

"Sejak 2008, PBAPP sentiasa mempertingkatkan perkhidmatan bekalan air bagi membolehkan 1.72 juta rakyat Pulau Pinang menerima manfaat tanpa catuan air selain beribu-ribu perniagaan dan industri.



IR. Jaseni Maidinsa.





nb tropics
An Eco-friendly Development by (984748-P)
NB Tropics Development SB

New Bob Gallery, Penthouse New Bob Centre,
11 Gottlieb Road, Pulau Tikus, 10350 Penang
Lesen Pemajuan Perumahan & Permit Iklan Dan Jualan No. Lesen : 13981-1/05-2018/01475(L) | No. Permit: 13981-1/05-2018/01475(P) Sah Untuk 1 tahun dari 31/05/2017 hingga 30/05/2018 No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-31/33

011 1722 5811
www.newbobgroup.com



# Taman Tekukur Indah

5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA | HAKMILIK KEKAL







## Rumah Berkembar 3-Tingkat

Jumlah Unit : 24 Units
Harga Minimum : RM 730,000.00
Harga Maximum : RM 1,029,300.00
Keluasan Tanah : 2605 kps (min) 4596 kps (mak)
Kawasan Binaan : 3024 kps (min) 3024 kps (mak)

Pemaju:
**Lai Keat Development Sdn Bhd** (654592-P)
Blk 5-3-8, Jalan Gangsa,
11600 Greenlane Height, Pulau Pinang.
Tel: 04-6597395 • Fax: 04-6569105

No. Lesen Pemaju: 10508-4/08-2018/0604(L)
Validity: 04/08/2016 - 03/08/2018
No Periklanan & Permit Jualan: 10508-4/08-2018/0604(P)
Tarikh Tamat: 04/08/2016 - 03/08/2018 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: MPSP
No. Plan Bangunan: Bil(2A-L)dlm. MPSP/40/20-71/11
Jenis Pegangan: Bebas • Tarikh Jangka Siap: 2018

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:-
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Paras 20, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505242 • 04-6505244 Fax: 04-2622904


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 8005
Peminjam : MARINA BINTI ABD RAHMAN - 80122507****
89 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MAJIDAH BT ISMAIL - 75122707****
NO. 59 TAMAN KUALA KANGSAR, LORONG MERANTI 9, 33000 KUALA KANGSAR, PERAK
Penjamin 2 : ROHANA BT ABD RAZAK - 58041507****
BLOK B-2-06 JALAN KELISA EMAS, DESA SRI JAYA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 8022
Peminjam : ERINE AZLINA BINTI KAMARUDIN - 79080607****
15 JALAN MAHAGONI 1B/3, TAMAN HILL PARK 44300 BATANG KALI, SELANGOR
Penjamin 1 : REDZUAN BIN MUSTAFFA - 62092501****
B7-09-13 BLOK 7 JALAN PJS 5/2A, DESA MENTARI, PETALING JAYA 46150 SELANGOR
Penjamin 2 : MUSTAFA BIN AMIN - (MENINGGAL DUNIA)
9 KAMPUNG SRI PANTAI, 86800 MERSING, JOHOR

No Akaun : 8069
Peminjam : NOOR AZURA BINTI AHMAD - 79020108****
NO. 5 JALAN P11 H/4, PRESINT 11, 62300 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : MOHD YUSOF BIN AHMAD - A3072***
10243 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : AHMAD BIN ARIFFIN - 4150***
10243 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 8083
Peminjam : MOHD SHUHAIRI BIN MOHD NOOR - 79110407****
241 PEKAN DARAT, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MOHD SABRI BIN MOHD NOOR - 66061607****
NO. 241 PEKAN DARAT, 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NORASIKHIN BT HAMID - 65070207****
NO. 23 LORONG SERI SERDANG 1/3, TAMAN SERI SERDANG 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 8099
Peminjam : MOHD ZAIRULNIZAM BIN JAMALUDIN - 80112907****
6476 KAMPUNG LEMBAH 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN ISMAIL - 51051807****
6476 KAMPONG LEMBAH 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : ABU BAKAR BIN YAHAYA - 51020707****
4261 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 8121
Peminjam : KOAY HEAN SENG - 77020307****
15-18-2 , TINGKAT PAYA TERUBONG 5, 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : POR KA LENG - 73011907****
1-E-18-3 LEBUH MINDEN 1, MUKIM 13, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YEOH KOK KHUNG - 66122407****
TI 282 HONG SENG ESTATE 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 8214
Peminjam : SARAVNA A/L MARIAPPAN - 77081707****
2 TINGKAT PAHLAWAN 4, TAMAN SENANGAN 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MUNIYANDY A/L ANA ARUMUGAM - 62042707****
10 LINTANG MAK MANDIN 2, TAMAN SUKARIA 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : KUMAR A/L MUNIANDY - 66051307****
2616 JALAN CHIP JOO, BUKIT TENGAH, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 8245
Peminjam : WAN EIKA TANSUKASIH BIN CHE DAUD - 77012907****
2 JALAN TANJUNG PERMAI 2, VILLA TANJUNG PERMAI 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : IBRAHIM BIN WAHID - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 3 PINTAS SIAKAP 2, 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2 : SHAARI BIN BAHIT - 54121807****
NO. 10 JALAN 2/54 A, TAMAN SETAPAK PERMAI 53300 KUALA LUMPUR

No Akaun : 8252
Peminjam : NURFARIZAN BINTI ADNAN - 79112207****
NO. 4 JALAN GEMBIRA 2, TAMAN GEMBIRA 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 1 : ABD LATIFF BIN MAJID - 59111002****
50 PERSIARAN SEKSYEN 6/34, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ODNAN @ ADNAN BIN TAIB - 55041707****
NO. 1873 JALAN ASSUMPTION, 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 8256
Peminjam : HUZAIRYN AIDA BINTI HUSSAIN - 77012207****
NO. 6 TAMAN JASMIN BATU 2, JALAN SEREMBAN, PORT DICKSON 71000 NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : MOHD SHUKRI BIN ABDULLAH - 74021207****
NO. 326 JALAN TAMAN TAPAH, TAMAN BUNGA RAYA 35000 TAPAH, PERAK
Penjamin 2 : ABDUL HUSIN BIN HYDER - 53042202****
4335 PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 8313
Peminjam : PURVENDRAN A/L RAMALINGAM - 81090814****
BLOK C-1-21, VISTA PERDANA, TAMAN BAGAN JERMAL 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : VELLASAMY A/L SANDERASAGGRAM - 64072507****
11-A SOLOK RIANG, TAMAN ABDUL AZIZ 12000 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : KRISHNAN A/L OR VELAISAMY - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 26 PINTAS TENGGIRI 4, 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 8323
Peminjam : SIRVEEN KAUR RANDHAWA A/P MUDA SINGH - 78102007****
NO. 73 LORONG 23, TAMAN PATANI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : SATHPAL SINGH A/L AMAR SINGH - 64081807****
J-15-17 JALAN PADANG TEMBAK 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : BALVINDER SINGH A/L AMAR SINGH - (MENINGGAL DUNIA)
46-G-17 DESA GREEN, JALAN VAN PRAAGH, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 8335
Peminjam : MOHD HAZRIL BIN AB HALIM - 80052507****
138 JALAN KAMPUNG NAGA, TAMAN MUTIARA NAGA 06200 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : IDRIS BIN MD NOOR - 56062908****
281 JALAN SIR CHULAN, 34100 SELAMA, PERAK
Penjamin 2 : ABDUL LATIF BIN DARUS - 63103007****
NO. 1126 SUNGAI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 8345
Peminjam : MOHD ALIAS BIN ABDULLAH - 79041707****
1225 MK 20 PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SABRI BIN ABDULLAH - 68033007****
NO. 2 JALAN GEDOMBAK 11/5G, SEKSYEN 11, SHAH ALAM 40100 SELANGOR
Penjamin 2 : IDA HASLINA BINTI ABDUL JALIL - 70022109****
LOT 1724 A, JALAN SUNGAI UDANG, 41250 KLANG, SELANGOR,

# Toray bangunkan pusat kecemerlangan IT di SPICE

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**PROF. Dr. P. Ramasamy (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Perasmian Pusat Kecemerlangan IT TMS di sini baru-baru ini.**

**BAYAN LEPAS** – Toray Malaysia Systems Solution Sdn. Bhd. (TMS) yang bertapak di Pulau Pinang baru-baru ini mengumumkan untuk membangunkan pusat kecemerlangan teknologi maklumat (IT) di pusat konvensyen bertaraf dunia, *Subterranean Penang International Convention and Exhibition* (SPICE) dekat sini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, pembangunan pusat kecemerlangan itu dijangka menyediakan lebih 100 peluang pekerjaan baharu dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

"Buat masa ini, syarikat ini mempunyai 50 pekerja dan merupakan syarikat multinasional terawal dari Jepun yang membangunkan Pusat Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS)nya di sini.

"(Dan) semestinya Pulau Pinang akan terus membangunkan lebih banyak pusat kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang IT, malah merangkumi bidang sains dan teknologi," ucapnya pada Majlis Perasmian Pusat Kecemerlangan IT TMS di sini baru-baru ini.

Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi turut mengalu-alukan sumbangan TMS berjumlah RM300,000 dalam pembangunan projek *Tech Dome Penang* (TDP) pada 2015.

"Sumbangan tersebut telah membawa kejayaan kepada Pulau Pinang dalam memperkasakan lagi bidang sains serta teknologi di negeri ini, sekaligus melentur minat golongan muda untuk memilih jurusan kejuruteraan sebagai kerjaya...dan pastinya dapat memenuhi kehendak industri kini," katanya.

Toray Group Malaysia dimiliki sepenuhnya oleh Toray Industries Incorporated (Jepun) yang merupakan antara peneraju pembangunan industri di Pulau Pinang.

Syarikat berkenaan kemudiannya mewujudkan TMS setelah melebarkan sayapnya ke Pulau Pinang dengan suntikan dana pelaburan berjumlah RM5 juta dan diiktiraf oleh *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) sebagai syarikat berstatus *Multimedia Super Coridor* (MSC)

TMS di sini memberikan perkhidmatan GBS dan IT bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat global termasuk reka bentuk sistem, pembangunan dan pengoperasian teknologi maklumat.

## Penerbangan terus Doha - Pulau Pinang, hadiah Deepavali paling bermakna

**BUKIT TAMBUN -** Cadangan syarikat penerbangan antarabangsa *Qatar Airways* untuk melakukan penerbangan terus Doha - Pulau Pinang disifatkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sebagai satu hadiah istimewa sempena sambutan Deepavali tahun ini.

Beliau berkata demikian dalam sidang media pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamay di sini 18 Oktober lalu.

"Saya difahamkan Pulau Pinang dipilih sebagai destinasi penerbangan terus berkaitan adalah berdasarkan 'kemegahan alam semula jadi' (negeri hijau) serta syurga makanan yang lazat negeri ini.

"Penerbangan ini dijangka akan dimulakan pada 6 Februari 2018.

"Bagi saya, ini satu lembaran yang baru untuk Pulau Pinang kerana ianya bakal memudahkan perjalanan ke Eropah tanpa melalui Kuala Lumpur lagi," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Tambah Guan Eng, beliau turut difahamkan bahawa jadual perjalanan yang dicadangkan adalah tiga kali seminggu.

"Dengan ini, kita (Kerajaan Negeri) berharap banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang akan melakukan penerbangan terus ke Pulau Pinang," katanya.

Pada majlis rumah terbuka berkaitan, Guan Eng turut mengambil kesempatan beramah-mesra bersama-sama para tetamu sambil menikmati sajian tradisional yang disediakan.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Speaker DUN, Dato' Maktar Shapee; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Turut memeriahkan majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Swee Khim; ADUN Jawi, Soon Lip Chee, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-ahli Majlis bagi MPSP, M. Satees, David Marshall serta H'ng Mooi Lye dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Sementara itu, Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri turut mengadakan kunjungan ke rumah terbuka Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan yang diadakan pada hari sama.

Antara aneka juadah enak disediakan temasuklah nasi beriyani, masala kambing, maruku, dalca, ayam merah, sayuran, tosei, roti canai, teh tarik masala dan pelbagai lagi.


• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916




MAMMO PENANG
'Sayangi Wanita Pulau Pinang'

## Jadual Mammo Penang 2017

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Nov. | 18 | Pulau Tikus | Jawi | 19 | Dato Keramat | Bertam |
| | 25 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 26 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| Dec. | 2 | Batu Uban | Machang Bubok | 3 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |






# Jangan biarkan kanak-kanak ketagih gajet, nasihat Exco Wanita

**JAWI -** Masuk tahun ketiga Kerajaan Negeri menganjurkan Fiesta Sukan Komuniti & Keluarga 2017 di peringkat daerah, demi menggalakkan ibu bapa menyemarakkan lagi aktiviti kekeluargaan bersama-sama anak secara sihat.

Ketika berucap, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng melahirkan rasa bimbang dengan kanak-kanak seawal usia dua hingga tiga tahun yang dibiarkan bermain *iPad* atau telefon pintar lain sebagai pengganti ibu bapa atau pengasih, sehingga mengakibatkan ketagihan gajet elektronik.

"Sebenarnya acara permainan tradisonal seperti pertandingan kukur nyior untuk golongan ibu, berlari dalam guni untuk anak-anak serta acara-acara lain untuk bapa, yang dianjurkan dalam Fiesta Sukan Komuniti & Keluarga 2017 adalah kerana Kerajaan Negeri mahu menggalakkan lagi aktiviti kekeluargaan secara sihat.

"Walaupun ibu bapa terpaksa melakukan lebih daripada satu kerja untuk menghadapi kos sara hidup yang kian meningkat, termasuk menanggung GST (Cukai Barangan & Perkhidmatan) yang begitu membebankan, janganlah kita melepaskan tanggungjawab dengan memberikan *iPad* atau telefon pintar sebagai pengganti, hingga anak-anak kecil jadi ketagih gajet dan hilang kreativiti untuk belajar hal-hal kehidupan lain yang lebih seronok, seperti acara sukan pada hari ini," jelas Chong Eng.



CHONG Eng (berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur dan para peserta Fiesta Sukan Komuniti & Keluarga 2017 Peringkat Daerah Seberang Perai Utara di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang itu berkata demikian ketika merasmikan Fiesta Sukan Komuniti & Keluarga 2017 Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dekat Padang Awam Jawi di sini pada 14 Oktober lalu.

Chong Eng yang juga Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita (PWDC) turut menyampaikan mesej kebimbangan mengenai padah kanak-kanak ketagih gajet elektronik, dalam majlis fiesta berasingan peringkat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) baru-baru ini.

Memetik satu laporan berita atas talian, Chong Eng memberitahu, Kajian Statistik Internet Dunia (*Internet World Stats*) mendedahkan, hampir 78.8 peratus pengguna internet di negara ini, terutama kanak-kanak mengalami ketagihan gajet elektronik yang serius.

Justeru, tambah Chong Eng, ketagihan gajet jua boleh menyumbang kepada krisis kekeluargaan, apabila si anak yang asyik bermain *iPad* dan telefon pintar kian renggang dengan ibu bapa mahupun waris.

Dalam perkembangan berkaitan, Chong Eng menyatakan bahawa pihaknya meluluskan peruntukan untuk penganjuran fiesta di kelima-lima daerah pada tahun ini, dengan mengangkat tema 'Saya ♥ Pulau Pinang'.

Katanya, kempen 'Saya ♥ Pulau Pinang' itu adalah sebagai protes kepada ucapan Menteri Wilayah, Tengku Adnan Tengku Mansor dalam Majlis Sambutan Hari Wilayah pada 1 Februari lalu, yang menyatakan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang, Pulau Langkawi dekat negeri Kedah dan sebahagian negeri Melaka sebagai Wilayah Persekutuan baru.

## Satupadukan ahli pasukan, bergerak ke arah kecemerlangan, seru Exco

**GEORGE TOWN –** Seramai 145 peserta terdiri daripada wakil-wakil persatuan sukan negeri, jurulatih sukan, universiti dan kolej pengajian tempatan, jabatan dan agensi sukan negeri serta pegawai sukan mengambil bahagian dalam Seminar Pengurusan Sukan di sini baru-baru ini.

Seminar yang berlangsung selama tiga hari itu dianjurkan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan kerjasama MMK Belia dan Sukan.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng yang hadir merasmikan seminar tersebut menzahirkan rasa bangga dengan keutuhan bidang sukan di negeri ini.

"Sangat penting untuk kita semua meneruskan kerja keras ini (dalam bidang sukan) bagi melonjakkan diri daripada baik kepada hebat.

"Keghairahan, minat dan kapasiti setiap orang (yang menghadiri seminar) sangat dituntut dalam memastikan kejayaan pada masa hadapan.

"Saya harap dengan penganjuran seminar ini, para peserta dapat menimba ilmu dan melaksanakan pengurusan dengan efektif serta efisien," ucapnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman dan Pengarah MSNPP, Frederick Tan.

Mengulas lanjut, Chong Eng berharap pimpinan dalam bidang sukan dapat menggembleng usaha untuk menyatupadukan ahli pasukan serta bergerak dalam satu nada ke arah kecemerlangan.

"Pimpinan dalam bidang sukan ini bukan sahaja mempunyai kebolehan memimpin, malah juga minat dan mampu menyatupadukan ahlinya.

"Persatuan-persatuan sukan atau agensi berwajib pula perlu berkerjasama dan menaruh kepercayaan terhadap pengurusan sukan yang cemerlang.

"Oleh itu, saya berharap seminar ini dapat memberikan sedikit-sebanyak ilmu dan perkongsian terutama dalam perancangan, penyusunan, kawalan, perbelanjaan serta penilaian termasuk aktiviti dalam bidang kuasa masing-masing," jelasnya.

Bertemakan Pengurusan Efektif ke Arah Kecemerlangan Prestasi, seminar turut dihadiri oleh Jurulatih Eksekutif dan Korporat Antarabangsa, Dr. Michel Gagne; Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Low Beng Choo; Penolong Setiausaha MOM, Datuk Sieh Kok Chi; Pengarah Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS), Datuk Ramlan Abd. Aziz; Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Datuk Zaiton Othman serta beberapa wakil daripada Majlis Sukan Negara Malaysia.

## Pertandingan futsal wanita lonjak semangat berpasukan

**SEMANGAT BERPASUKAN...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin percaya penganjuran pertandingan futsal wanita baru-baru ini mampu melonjakkan semangat kesukanan dan keyakinan golongan Hawa berkaitan.

Pada masa sama, Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan menyatakan bahawa inisiatif tersebut juga dapat membuka ruang kepada golongan berkaitan untuk mencuba sesuatu yang baharu.

"Saya memang mempunyai perancangan untuk menganjurkan pertandingan seumpama ini di sini (Seberang Jaya), dan hasil usaha ahli-ahli jawatankuasa (pertandingan)...ia telah berjaya menarik ramai peserta.

"Alhamdulillah, penyertaan 10 pasukan adalah satu sambutan yang baik... sepenuhnya usaha daripada Briged Wanita DUN Seberang Jaya, tahniah kepada mereka!" katanya ketika ditemui pada Kejohanan Futsal Wanita Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya.



DR. Afif Bahardin bergambar kenangan bersama-sama pada perserta dan ahli jawatankuasa penganjur Kejohanan Futsal Wanita DUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

# Partisipasi langsung rakyat mampu kurang risiko banjiir - Pengarah JPS Pulau Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**TEMPIAS** dari ribut taufan Doksuri mengakibatkan fenomena hujan luar biasa melanda negeri ini pada 15 September lalu.

Akibatnya, 270 milimeter (mm) purata taburan hujan selama sebulan telah membadai negeri ini dalam sehari serta mengakibatkan limpahan air terlalu banyak di beberapa lokaliti.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok memberitahu, mana-mana sistem tebatan banjir yang dibina setakat ini memang tidak mampu lagi menampung limpahan air yang terlalu banyak, akhirnya mengakibatkan beberapa kawasan dilanda bencana banjir.

Tambah beliau, situasi air laut pasang ketika kejadian hujan terlalu lebat pada 15 September lalu, menambahkan lagi kesan bencana banjir tersebut.

### Pelan JPS

Menginsafi kejadian 15 September lalu, Sabri memberitahu bahawa jabatannya telah merangka dwi pelan berwajib.

Pertama, katanya, pelan projek berstruktur seperti pelebaran lembangan sungai, pemasangan pam serta perangkap sampah di lokaliti yang telahpun dikenal pasti.

Manakala kedua, menurut Sabri, adalah pelan projek bukan struktur yang terdiri daripada kajian sistem perparitan.

"Pam dapat berfungsi mengepam lebihan air ke laut dengan lebih cepat, manakala 'pintu' lazimnya akan dibina berfungsi menyekat air pasang dari masuk semula ke sungai-sungai utama.

"Hujung tahun ini JPS akan gerakkan semua projek berkelas G7 (skala besar) untuk memulakan projek-projek mitigasi banjir bagi enam sungai utama iaitu Sungai Muda, Sungai Pinang, Sungai Dua, Sungai Perai, Sungai Kerian dan Sungai Jawi.

"Kerajaan Negeri menyalurkan dana sebanyak RM40 juta untuk tujuan ini, manakala Kerajaan Pusat bersetuju menyalurkan dana RM150 juta bagi projek tebatan banjir Sungai Pinang.

"Rancangan Tebatan Banjir (RTB) ini turut melibatkan RM55 juta dari caruman perparitan.

"Bagi projek bukan struktur, JPS kini sedang membangunkan sistem amaran banjir.

"Sistem ini mampu memberi amaran apabila air sungai sedang naik. Sistem ini akan dipasang di 21 lokasi berisiko," katanya pada sesi wawancara di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sabri menyatakan bahawa, dalam merangka ramalan dan amaran awal, bermula tahun 2018, JPS akan berusaha menggerakkan sistem ramalan dan amaran.

"Sistem ini akan dipasang di enam sungai yang saya sebutkan sebentar tadi yang mana situasi banjir ini akan diramal seminggu sebelum.

"Ramalan itu diharap sedikit sebanyak dapat membantu dari segi persiapan, pemindahan dan sebagainya ketika berdepan risiko banjir seperti yang berlaku baru-baru ini," jelasnya.

### Kempen

Selain langkah proaktif daripada JPS, Sabri memberitahu, risiko banjir boleh dikurangkan dengan partisipasi secara langsung daripada rakyat sendiri.

Langkahnya mudah, menurut beliau, rakyat serta pihak berkepentingan lain perlu lebih agresif melancarkan kempen mencegah pembuangan sampah ke dalam sungai dan parit.

"Suka untuk saya tekankan di sini semua pihak berkepentingan perlu menumpukan kepada kempen tidak membuang sampah dalam sungai atau longkang.

"Kempen perlu dilakukan secara agresif bahkan seawal usia kanak-kanak lagi kempen kesedaran ini perlu dilakukan agar tidak melihat saliran dan longkang sebagai tong sampah.

"Apabila sampah terlalu banyak tersekat di rumah pam, ianya menyumbang kepada kerosakan rumah pam dan seterusnya menjadikan situasi banjir lebih buruk apabila pam tidak dapat berfungsi secara efisien atau terus rosak," serunya.


IR. Sabri Abdul Mulok.

### Perubahan Cuaca

Pun begitu, Sabri menyatakan bahawa masih banyak lagi kekangan lain untuk mengurangkan risiko banjir, antaranya faktor perubahan cuaca yang memang tidak boleh dikawal oleh mana-mana pihak.

"Kadang-kadang peralihan cuaca di luar jangkaan... apa yang merisaukan ialah *pattern* hujan itu turun.

"Sistem pengairan perlu mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menampung jumlah hujan lebat luar biasa bagi mengatasi perubahan cuaca tidak menentu," ujarnya.

Difahamkan, lazimnya sistem perparitan dibina mengikut spesifikasi 20, 50 dan 100 ARI (Purata Hujan Dalam Satu Jam). Ianya adalah ukuran dan sukatan sesuatu saliran dalam menampung isipadu hujan.

### Ops Lumpur

Selain itu, Sabri memuji Kerajaan Negeri melalui pihak Exco Kerjaaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang melancarkan Ops Lumpur.

Menerusi operasi teknikal ini, katanya, kerja-kerja pemulihan kawasan bencana dapat dilaksanakan dalam tempoh kira-kira 24 jam sahaja.

Tambah beliau, operasi tersebut jua akan mengawasi pihak pemaju yang didapati cuai serta menyebabkan pelepasan mendakan lumpur serta mengakibatkan banjir.

Melalui ops ini, tegasnya, kontraktor yang cuai akan dihukum.

### Pelan jangka panjang

Bagi Sabri, Pulau Pinang mesti mempunyai pelan jangka panjang menangani risiko banjir, termasuk kajian menyeluruh melibatkan permulaan dari empangan hingga ke lembangan sungai.

"Kajian pertama akan melibatkan Sungai Muda yang mana kita akan menjalankan kajian berkenaan *demand and supply* air kepada pengguna.

"Dari situ, ianya boleh mengkaji jumlah kapasiti air yang boleh dilepaskan oleh empangan, jumlah penggunaan harian, berapa kapasiti untuk menyerap banjir, menghadapi musim kemarau dan lain-lain agar sungai ini berfungsi dengan lebih efisien.

"Walau bagaimanapun kajian ini perlu melibatkan persetujuan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Kedah," katanya ketika menutup bicara bersama Buletin Mutiara.




# Sebarang pemajuan bertingkat tinggi baru di tapak melebihi 76 meter (250 kaki) dari aras laut akan terus dilarang - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sejak tahun 2008, sejumlah 11 permohonan pemajuan bertingkat tinggi di kawasan melebihi 76 meter (m) dari aras laut telahpun ditolak.

Jumlah tersebut tidak termasuk dua projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang dimohon oleh Kerajaan Persekutuan sendiri yang turut ditolak ekoran salah satu projek berkaitan membabitkan jumlah jaraknya adalah melebihi dua kali ganda berbanding garis panduan ditetapkan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai cadangan pihak tertentu berhubung pelaksanaan moratorium atau larangan terhadap pemajuan bangunan bertingkat tinggi (*high rise*) di kawasan lereng bukit.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudahpun melaksanakan dasar melarang pemajuan bangunan bertingkat tinggi (*high rise*) di tapak melebihi 76m atau 250 kaki dari aras laut.

"Dasar ini telahpun diperkenalkan mengikut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 melalui Dasar Khusus 3 Langkah 1 (DK3L1) yang berbunyi:

*"Mengekalkan kawasan yang berada di aras 76m (250 kaki) dan ke atas sebagai kawasan berbukit/kawasan semula jadi."*

*"Yang telahpun berkuatkuasa sejak pewartaannya melalui Warta Kerajaan Jilid 51, No. 13, Tambahan No. 1 yang bertarikh 28 Jun 2007,"* jelasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini 25 Oktober lalu.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif menyertai sidang media tersebut.




Difahamkan, syor moratorium dibangkitkan ekoran kes kemalangan di tapak pembinaan perumahan swasta Tetuan Sri Bunga dekat Lengkok Lembah Permai pada 21 Oktober lalu yang mengorbankan seorang warganegara dan 10 buruh asing lain.

Tegas Jagdeep, dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri hari ini sebenarnya adalah lebih rendah berbanding had ketinggian 300m dari aras laut yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Pelaksanaan dasar ini oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah berbeza dengan keadaan sebelum pentadbiran baru di Negeri Pulau Pinang sejak 2008, yang mana menurut rekod kami, tidak kurang daripada 28 skim perumahan bertingkat tinggi bukan sahaja telah diluluskan untuk dibina di tapak yang melebihi 76m (250 kaki) dari aras laut, tetapi yang telahpun selesai dibina di Pulau Pinang dari tempoh 1985 hingga 2008.

"Malahan, ia perlu diambil maklum bahawa larangan pemajuan di tapak yang melebihi 76m (250 kaki) dari aras laut ini di Negeri Pulau Pinang adalah jauh lebih rendah berbanding dengan had ketinggian 300m dari aras laut yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi 2009 yang membenarkan semua jenis pembangunan di tapak yang tingginya adalah sehingga 300 meter dari aras laut," ujarnya.

Justeru, Jagdeep memohon Kerajaan Pusat sendiri menunjukkan tindakan ikhlas dengan menyemak semula dasar persekutuan tersebut, sekurang-kurangnya sebagaimana amalan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang mengehadkan projek pembangunan di bawah ketinggian 76 m dari aras laut.

## JAS dan JMG di bawah kementerian sama, tapi ulasan berbeza diambil kira MBPP – Kon Yeow

**GEORGE TOWN** – Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) yang memberi ulasan 'tiada bantahan' pada projek perumahan swasta Tetuan Taman Sri Bunga dekat Lembah Permai adalah jabatan teknikal di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, sungguhpun Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah kementerian sama memberi ulasan tidak menyokong projek tersebut.

Justeru, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) meluluskan permohonan projek perumahan swasta Tetuan Taman Sri Bunga dekat Lembah Permai selepas mengambil kira semua ulasan jabatan teknikal secara menyeluruh, termasuk ulasan berbeza daripada kedua-dua jabatan luaran terbabit.

"(Jabatan Alam Sekitar) JAS cuma bimbang mengenai jarak tidak cukup, mungkin ganggu bunyi kerana terlalu dekat dekat kawasan perumahan, debu-debu dan sebagainya.

"JAS adalah salah satu daripada jabatan luaran yang telah memberi ulasan yang tidak menyokong kerana tidak memenuhi keperluan zon penampan yang ditetapkan di bawah '*Guidelines Form Siting and Zoning of Industry and Residential Areas*'.

"(Namun), JAS bukanlah pihak wajib yang diberi kuasa untuk membuat keputusan mengenai permohonan kebenaran merancang, kuasa ini diberikan kepada MBPP.

"JMG adalah jabatan yang mempunyai bidang kuasa dalam hal-hal geologi, pendasaran tapak, pemadatan tanah dan kerja-kerja peletupan.

"Kepakaran ini bukan di bawah JAS, tetapi di bawah JMG dan dalam kes ini JMG (pada 30 Disember 2014) memberi ulasan tiada halangan kerana dia (JMG) ada kepakaran dalam isu-isu ini," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini 24 Oktober lalu.

Turut hadir, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Penjelasan Kon Yeow itu sekaligus menjawab sangkaan tidak berasas seorang Menteri, kononnya pembangunan di Pulau Pinang dilaksanakan secara tidak terkawal serta mematuhi garis panduan berwajib sedia ada.

Menurut Kon Yeow, kuasa yang diberikan kepada MBPP sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengawal pembangunan serta memberi kebenaran pembangunan berwajib adalah berdasarkan Seksyen 19 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.

Sebelum ini, beberapa media arus perdana menggambarkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang meluluskan projek perumahan tersebut walaupun tidak disokong oleh JAS sendiri, hatta mengakibatkan kemalangan di tapak pembinaan yang mengorbankan seorang warganegara dan 10 buruh asing dalam kejadian pada 21 Oktober lalu.

Menjawab soalan pemberita pada hari berkaitan, Kon Yeow memberitahu, JAS pada 22 Mei 2008 pernah memberi ulasan bahawa tiada halangan kepada rayuan satu projek yang lebih dekat, berada dalam lingkaran 500 meter (m) dari tapak kuari.

Difahamkan, projek Tetuan Taman Sri Bunga berada pada jarak 714.53m dari pusat letupan kuari, berbanding dua projek lain yang menurut ulasan JAS terdahulu adalah tiada halangan.

Dua projek pembangunan itu adalah projek perumahan Tetuan Prestasi Raya pada jarak 421.57m dari pusat letupan kuari, dan Kolej Tungku Abdul Rahman sejarak 589.44 m.

Dari '*crushing point*', jarak tapak projek Taman Sri Bunga adalah 181.95m, berbanding tapak projek Prestasi Raya (194.37m) dan tapak Kolej Tunku Abdul Rahman (258.45m). (Rujuk Lampiran A).

Kon Yeow menjelaskan bahawa projek tersebut berada di tanah landai, ketinggian di bawah 250 kaki atau 76m dari paras laut, mengikut Garis Panduan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi.




| Projek Kemajuan Berhampiran Kuari Tanjung Bungah | Jarak Dari Blasting Site | Jarak Dari Crushing Plant |
|---|---|---|
| Rumah Mampu Milik Taman Sri Bungah (Tempat Kejadian) | 715m | 182m |
| Kolej TAR | 589m | 258m |
| Perumahan Swasta | 422m | 194m |

**LAMPIRAN A.**

## Jawatankuasa bebas siasat kes kemalangan di tapak pembinaan - KM

**TANJUNG BUNGA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Siasatan Negeri untuk menyiasat kes kemalangan di tapak pemajuan projek perumahan swasta dekat Jalan Lembah Permai, yang mengorbankan seorang warganegara serta 10 buruh asing.

"Pasti ada sesuatu yang tidak kena, dalam tapak pembinaan ini apabila kemalangan seperti ini berlaku, cerun ini runtuh sungguhpun tidak ada hujan dalam beberapa hari.

"Suruhanjaya Siasatan Negeri ini bakal melaksanakan satu siasatan yang penuh dan bebas, untuk menentukan punca, asal-usul kemalangan di tapak pembinaan ini, serta mengambil tindakan ke atas mereka yang bertanggungjawab," katanya di sini baru-baru ini.

# Aktif budayakan sukan, seru Datuk Bandar

**PANTAI JEREJAK -** Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif mahu melihat kakitangannya sentiasa aktif dalam membudayakan aktiviti sukan sama ada pada peringkat majlis mahupun di persada antarabangsa.

Malah, beliau sangat komited dalam memberikan galakan kepada kakitangannya.

Katanya, perkara tersebut adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan negeri ini bandar raya sukan bertaraf antarabangsa.

"Pada 12 hingga 17 Oktober lalu, MBPP menyertai 2017 *ARA Waterway International Dragon Boat Festival* di Incheon, Korea Selatan dan berjaya mendapat tempat pertama bagi Kategori Small Boat Tug-of-War.

"Bagi Kategori International Premier 200 Meter Dragon Boat Race pula, MBPP menduduki tempat keenam.

"Pada 30 September hingga 1 Oktober lalu pula, kita (MBPP) turut berjaya menganjurkan Kejohanan Paintball Antarabangsa Piala Datuk Bandar MBPP 2017, dan ini merupakan sebahagian aktiviti sukan yang dianjurkan oleh MBPP," ucapnya pada Majlis Penyampaian Hadiah & Jamuan Makan Malam Kejohanan Boling Sempena Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT) Ke-79 di sini baru-baru ini.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (berdiri, empat dari kiri) bergambar bersama-sama sebahagian pemenang yang menyertai Kejohanan Boling Sempena Ulang Tahun TYT Ke-79 di sini baru-baru ini.**

Kejohanan boling tersebut disertai 56 pasukan terdiri daripada 21 pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara.

Mengulas lanjut, Maimunah menyatakan bahawa beliau sendiri akan turut serta dalam beberapa aktiviti sihat sebagai contoh dan teladan baik kepada semua.

Pada kejohanan boling baru-baru ini, pasukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) A menjuarai keseluruhan kejohanan setelah mencatat 5,828 jatuhan pin dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000, piala pusingan berserta pingat.

Tempat kedua dimenangi Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan 5,775 jatuhan pin, RM2,000, piala dan pingat; Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) A dengan 5,775 jatuhan pin akur di tempat ketiga setelah penentuan juara dilakukan menerusi *last game*. Pasukan berkaitan membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000 bersama-sama piala dan pingat.

## Teruskan *Butterworth Bike*, cetus kesedaran gaya hidup sihat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DANNY OOI**

**BUTTERWORTH –** Penganjuran julung kali *Butterworth Bike 2017* di Padang Dataran Pemuda Merdeka dekat sini baru-baru ini, ternyata menerima sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud ketika ditemui berkata, seramai 380 peserta mengambil bahagian dalam kayuhan sejauh 40.2 kilometer (km) berkaitan.

"Ini merupakan penganjuran pertama kali, dan saya amat berharap program ini (*Butterworth Bike*) dapat diteruskan pada masa hadapan sekaligus mencetus kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai gaya hidup sihat," ujarnya sejurus upacara pelepasan peserta.

Menurut Rozali, penganjuran tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif MPSP dalam mendokong Pelan Butterworth Baharu.

Dianjurkan dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO), *Cross World Cycling Club* dan Think City Sdn. Bhd., peserta bukan sahaja dapat menikmati keindahan Butterworth, malah turut merasai pengalaman berkayuh melalui beberapa jalan utama di sini.

Antaranya, Jalan Bagan Ajam, Jalan Sungai Lokan menuju ke Penaga sebelum berpatah balik ke poin mula melalui Jalan Teluk Air Tawar. Peserta yang berjaya menghabiskan kayuhan menerima medal dan sijil penyertaan.



**SR. Rozali Mohamud (berkopiah) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian peserta *Butterworth Bike 2017* di sini baru-baru ini.**



# 90% diskaun bayaran pemajuan infrastruktur kepada pengusaha taman asuhan, pusat jagaan kanak-kanak - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**


**CHONG Eng (tengah), Chow Kon Yeow (dua dari kiri), Phee Boon Poh (dua dari kanan) bersama-sama wakil-wakil agensi JKMNPP dan PBT negeri pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menawarkan diskaun 90 peratus terhadap bayaran pemajuan infrastruktur bagi membantu mengurangkan beban pengusaha taman asuhan dan pusat jagaan kanak-kanak yang beroperasi tanpa lesen kini.

Inisiatif tersebut adalah bagi menggalakkan pihak-pihak berkaitan memohon lesen perniagaan masing-masing secara sah dalam tempoh masa ditetapkan.

Perkara tersebut diumumkan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng pada sidang media baru-baru ini.

Menurut Chong Eng, pemberian diskaun tersebut adalah kepada pengusaha yang telah beroperasi sebelum tarikh 15 September 2017 sahaja, dan hanya sah untuk tempoh setahun bermula 15 September 2017 sehingga 14 September 2018.

"Bagi taska dan pusat jagaan yang beroperasi mulai 16 September 2017, mereka dikehendaki mematuhi garis panduan PBT (pihak berkuasa tempatan) sedia ada.

"Setelah tamat pemberian diskaun ini, tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama-sama semua agensi terlibat akan diambil terhadap taska dan pusat jagaan yang masih lagi beroperasi tanpa lesen," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Turut serta, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Phee Boon Poh Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, dan Shaballah Zainal Abidin (Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, JKMNPP).

Mengulas lanjut, Chong Eng menyatakan bahawa permintaan permohonan perniagaan taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang kian meningkat kini telah mendorong Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang mengambil tindakan pemutihan sejak tahun 2016.

"Usaha (pemutihan) ini turut dipanjangkan kepada semua pusat jagaan OKU (orang kurang upaya) dan warga emas.

"Malah, pihak JKMNPP telah mengadakan program seperti 'Jom Daftar' untuk berkongsi kepentingan bagi membuat pendaftaran, di samping meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab para pengusaha.

"Namun, masih banyak pusat yang beroperasi tanpa lesen, dan isu tersebut amat membimbangkan pihak Kerajaan Negeri," jelasnya.

Justeru, Chong Eng berharap dengan pemberian diskaun tersebut membolehkan lebih ramai pengusaha tampil untuk mendaftar agar kualiti perkhidmatan yang diberikan dapat dipantau, selain memastikan taska dan pusat jagaan tersebut beroperasi mengikut Tatacara Pengendalian Piawaian (SOP) ditetapkan.

"Setelah berbincang bersama-sama pihak JKMNPP dan kedua-dua PBT, kami mengenal pasti bahawa isu yang kerap dihadapi para pengusaha ketika mendaftarkan pusat jagaan masing-masing adalah berkait pembayaran kos tukar guna bangunan yang amat tinggi, terutamanya bagi pengusaha yang mengusahakanya berasaskan kerja amal," ujar beliau.



# Penduduk Seberang Jaya terpilih jalani pemeriksaan kesihatan rumah ke rumah percuma

Oleh : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 23 penduduk terpilih sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya menikmati perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dari rumah ke rumah secara percuma di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, program tersebut dijalankan bagi membantu golongan kurang berkemampuan ekoran kos perubatan yang semakin tinggi kini.

"Kita (Afif dan pasukannya) memberi ubat-ubatan secara percuma dan sedikit sumbangan tunai bernilai RM50 kepada mereka yang terpilih.

"Objektif program ini adalah untuk melihat dan mengetahui dengan lebih jelas status kesihatan penduduk serta mewujudkan kesedaran pri pentingnya menjalankan pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa di klinik atau hospital berdekatan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Program dua hari tersebut adalah anjuran Pusat Khidmat DUN Seberang Jaya dan disokong oleh *BP Healthcare Group*.

Selain Afif, pemeriksaan turut dijayakan doktor pelatih, Dr. Tan Ka Keat dari Hospital Bukit Mertajam dan pembantu dari *BP Healthcare Group*, Jesline Ang Jia Hui dan N. Dharsyinir.

Mengulas lanjut, beliau berharap hospital atau klinik-klinik di kawasan lain juga boleh mengadakan rawatan kebajikan serupa bagi membantu mereka yang memerlukan.

"Antara pemeriksaan yang dibuat termasuk tekanan darah, paras gula, katarak serta penyakit ringan lain,'' jelasnya.



**DR. Afif Bahardin membuat pemeriksaan tekanan darah terhadap Azizah Md. Saad pada penganjuran program pemeriksaan kesihatan dari rumah ke rumah secara percuma di sini baru-baru ini.**




# Kayuhan Mesra Pantai, program murni serampang dua mata

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BERSIH PANTAI & KAYUHAN AMAL...** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon memuji komitmen syarikat perkilangan *Agilent Technologies* (Agilent) menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya yang melaksanakan inisiatif membersihkan kawasan pantai berhampiran astaka Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu baru-baru ini.

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata, inisiatif tersebut sememangnya suatu usaha murni bagi menjaga kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai.

Serentak itu, turut diadakan Kayuhan Mesra Pantai anjuran Pusat Khidmat ADUN Pantai Jerejak bermula dari SPICE hingga ke Kompleks Sukan Batu Uban.

"Kayuhan tersebut mendapat sambutan daripada kira-kira 200 peserta.

"Kayuhan ini juga adalah serentak dengan sambutan Hari Sukan Negara yang disambut di seluruh negara dalam membudayakan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia," ujar beliau pada penganjuran berkaitan.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid dan peserta kayuhan turut singgah di Pangsapuri Bayu Nyaman, Bayan Lepas bagi menyampaikan dua bantuan kerusi roda kepada warga emas di kawasan berkenaan.



**MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama peserta program Kayuhan Mesra Pantai di sini baru-baru ini.**

# Warna-warni Bulatan Udini meriahkan sambutan Deepavali



**R.S.N. Rayer (berkemeja putih) bersama-sama D.R Kala (barisan pertama, dua dari kiri) dan wakil-wakil komuniti setempat bergambar kenangan dengan berlatarbelakangkan lampu hiasan '*Happy Deepavali*' di Bulatan Jalan Udini di sini baru-baru ini.**

**KECERIAAN PESTA CAHAYA...** Gemerlapan lampu-lampu berwarna-warni yang dipasang di Bulatan Jalan Udini (lebih dikenali sebagai Bulatan Udini) menambah kemeriahan suasana sambutan Deepavali baru-baru ini.

Inisiatif pemasangan lampu hiasan tersebut adalah oleh Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer.

Rayer berkata, usaha pemasangan lampu hiasan di Bulatan Udini dekat sini adalah bagi menambahkan keceriaan 'Pesta Cahaya'.

Turut serta pada majlis menyalakan lampu hiasan berkaitan ialah Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) D.R Kala; Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Gelugor, Merasik Jabbar dan sebahagian komuniti Seri Delima.



# Produk usahawan kecil tonjol Balik Pulau sebagai destinasi pelancongan unik

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BERBEKALKAN** ilmu pertukangan besi dan kepekaan berhubung kegemaran masyarakat kini yang menjadikan haiwan peliharaan sebagai suatu hobi telah mendorong **SUHAIMI AHMAD**, 46, meneroka penghasilan pelbagai jenis sangkar unik serta comel.



**SUHAIMI AHMAD.**

Suhaimi ketika ditemui pada sesi Jelajah Usahawan dan Koperasi 2017 Daerah Barat Daya baru-baru ini menjelaskan bahawa beliau mula berkecimpung dalam penghasilan sangkar haiwan ternakan dan peliharaan sejak awal Januari lalu.

“Pada mulanya, saya hanya menghasilkan pertukangan besi seperti *awning* (bumbung) rumah dan sebagainya sejak 8 tahun lalu.

“Saya mula terbuka idea untuk menghasilkan sangkar apabila melihat kebanyakan masyarakat hari ini, sama ada golongan dewasa mahupun kanak-kanak memang gemarkan haiwan peliharaan.

“Jadi... dari situ timbul idea untuk menghasilkan *condominium pets*, yang lebih unik bentuknya dan berbeza daripada yang sedia ada di pasaran,” katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di bengkelnya dekat Air Putih, Balik Pulau.

Antara sangkar-sangkar buatan tangan yang disediakan adalah sangkar arnab, ayam, burung, kucing dan pelbagai.

Bercerita lanjut, Suhaimi memberitahu, lazimnya beliau yang dibantu empat pekerja tempatan dapat menghasilkan satu tempahan dalam tempoh lima hari bergantung kepada saiz serta bentuk diinginkan.

“Rata-ratanya tempahan adalah dari dalam dan luar Pulau Pinang.

“Jika dahulu sewaktu awal penglibatan, seminggu hanya menerima satu tempahan (sangkar sahaja), tetapi kini alhamdulillah permintaan amat menggalakkan iaitu sehingga lima sangkar.

“Jika diberikan peluang, InsyaAllah saya berhasrat mengembangkan perniagaan ini tahun hadapan,” ujar bapa kepada empat cahaya mata berkaitan.

Jelajah Usahawan dan Koperasi 2017 yang diketuai Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon turut menyantuni tujuh usahawan lain di sekitar kawasan Balik Pulau.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid, Mohd. Tuah Ismail (PPK Pulau Betong) dan Azrul Mahathir Aziz (PPK Bayan Lepas).




**MOHD. Rashid Hasnon dan delegasi Jelajah Usahawan dan Koperasi 2017 Daerah Barat Daya menyantuni Maktam Bahulu.**



**HALIL Sabri Hamid mengayuh basikal roda tiga yang disediakan di Balik Kampung @ Balik Pulau.**

Salah seorangnya, **MANIS ALI** iaitu pengasas Maktam Baulu di Kampung Sungai Korok.

Menurut Manis atau lebih mesra dengan panggilan Maktam, baulu dihasilkan adalah resipi turun-temurun yang beliau usahakan sejak 18 tahun lalu, dan kini perniagaan itu dipelopori anak perempuannya.

Menurut beliau, musim perayaan adalah tempoh paling sibuk buat mereka ekoran banyak menerima tempahan daripada orang ramai.

“Selain tempahan biasa, kita juga membuat baulu khas yang ditempah pelanggan mengikut corak kemahuan mereka seperti ikan mas, buah cermai, buah strawberi, pisang dan lain-lain untuk dijadikan hantaran perkahwinan,” ujar Maktam petah sambil menjamu rombongan dengan baulu keluarannya.

Seterusnya, rombongan dibawa melawat ke lokasi Balik Kampung @ Balik Pulau.

Di sana, ahli rombongan dapat merasai kehidupan kampung seperti mengayuh basikal tua, menaiki sampan kecil di dalam kolam buatan, dibawa mengelilingi kawasan sawah padi dan muara sungai dengan menaiki sebuah bas sekolah lama.

Menceritakan keunikan tempat tersebut, pemiliknya, **WONG ANN HUAT** menjelaskan bahawa rekreasi tersebut adalah amat sesuai dijadikan sebagai kawasan bersantai buat pengunjung yang ingin merasai suasana kampung serta juga lokasi mengadakan kursus bina pasukan.

Sementara itu, ulas Mohd. Rashid yang merupakan Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat, jelajah tersebut bukan sahaja bagi mendekati golongan usahawan kecil, sebaliknya berhasrat menonjolkan produk Balik Pulau sebagai suatu produk pelancongan.

“Balik Pulau sememangnya terkenal dengan keadaan semulajadinya yang masih menghijau.



***CONDOMINIUM pets*** **yang unik dan comel.**




***POSE*** **Mohd. Tuah Ismail di hadapan bas sekolah lama di lokasi Balik Kampung @ Balik Pulau.**

“Jadi, dengan kreativiti usahawan-usahawan kecil ini, ia akan membantu memasar dan sekali gus menjadikan Balik Pulau sebagai suatu destinasi tarikan pelancong...dengan alam semulajadi dan produk-produk tempatannya,” jelas beliau.

Pada sesi lawatan tersebut, Mohd. Rashid turut berkongsi maklumat dan menerangkan manfaat Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang disediakan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan usahawan di negeri ini mengembangkan perniagaan masing-masing.